



Teks Ucapan
Belanjawan Negeri Melaka 2020
YAB Tuan Adly bin Zahari
Ketua Menteri Melaka

Ketika Membentangkan
Rang Undang-Undang Perbekalan (2020) 2019
“Memakmurkan Rumah Kita”

18 November 2019 (Isnin) / 21 Rabiulawal 1441 H

Masa: 11.30 pagi

Dewan Undangan Negeri Melaka, Ayer Keroh

KERANGKA UCAPAN BELANJAWAN 2020

BIL	BUTIRAN	M/S
1.	Mukadimah	4
2.	Prospek Ekonomi Negara	6
3.	Prospek Ekonomi Negeri	8
4.	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)	9
5.	Belanjawan Negeri Melaka 2020	10
	- <i>Anggaran Hasil Tahun 2020</i>	11
	- <i>Anggaran Perbelanjaan Tahun 2020</i>	12
6.	Menyantuni Isu-isu Rakyat	21
	- <i>Banjir</i>	22
	- <i>Kekurangan Bekalan Air</i>	26
	- <i>Kesesakan Lalu Lintas</i>	34
	- <i>Pemilikan Rumah</i>	35
	- <i>Kos Sara Hidup</i>	39
	- <i>Menjamin Tahap Keselamatan</i>	47
7.	Fokus Belanjawan 2020	49
8.	Strategi Pertama: Memperkukuh Fiskal Kewangan Negeri	50
	- <i>Menambah Baik Aspek Pengurusan Kewangan Secara Berterusan</i>	50
	- <i>Mengawal Defisit Akaun Pembangunan</i>	51
	- <i>Mengurangkan Hutang Awam Kepada Kerajaan Persekutuan</i>	52
	- <i>Meningkatkan Bayaran Pendahuluan Kepada Kerajaan Persekutuan</i>	53
	- <i>Mewujudkan Rizab Negeri</i>	54
	- <i>Memperkenalkan Inisiatif Baharu Bagi Meningkatkan Hasil Negeri</i>	54
9.	Strategi Kedua: Menggalakkan Pelaburan	55
	- <i>Senario Pelaburan</i>	55
	- <i>Memperkukuh Inisiatif Pelaburan</i>	57
10.	Strategi Ketiga: Merancak Sektor Pelancongan	59
	- <i>Prestasi Tahun Melawat Melaka 2019</i>	59
	- <i>Pengiktirafan Melaka Di Peringkat Antarabangsa</i>	60
	- <i>Pemantapan Promosi Pelancongan</i>	61
	- <i>Menaik Taraf Produk Sedia Ada Dan Memperkenalkan Produk Pelancongan Baharu</i>	62
	- <i>Tahun Melawat Malaysia 2020</i>	65
11.	Strategi Keempat: Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	67
	- <i>Pencapaian Dan Pengiktirafan Pihak Berkuasa Tempatan</i>	67

	- Memodenkan Dan Menambah baik Sistem Pembersihan Serta Keceriaan PBT	69
	- Merangsang Aktiviti Sosio Ekonomi Tempatan	72
12.	Strategi Kelima: Meningkatkan Kemudahan Infrastruktur	73
	- Menaik Taraf Kemudahan Lapangan Terbang	73
	- Membangunkan Pelabuhan Dan Terminal	75
	- Memperbaiki Sistem Jaringan Jalan Raya	78
	- Meningkatkan Tahap Keselamatan Jalan Raya	81
13.	Strategi Keenam: Memperkasa Sektor Kesihatan	83
	- Menerapkan Gaya Hidup Sihat Dalam Kalangan Masyarakat	83
	- Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Kesihatan	84
	- Memperbaiki Akses Kepada Kemudahan Kesihatan	86
	- Memperkenalkan Kad Peduli Kesihatan Negeri Melaka	87
14.	Strategi Ketujuh: Menambah Baik Skim Kebajikan Dan Peranan Wanita	88
	- Skim Bantuan Kebajikan Baharu	89
	- Memperkasa Peranan Wanita	90
15.	Strategi Kelapan: Menggiatkan Sektor Pendidikan	93
	- Menstruktur Semula Institusi Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri	93
	- Memperluas Penglibatan Sektor Korporat Dalam Pendidikan Tinggi	96
	- Meneruskan Program Kecemerlangan Di Sekolah-Sekolah Secara Inklusif	97
	- Memperkasa Program Eco-Schools	101
	- Menambah Baik Pengurusan Pendidikan Islam	102
16.	Strategi Kesembilan: Mengoptimumkan Kemudahan Teknologi Maklumat	104
	- Memperluaskan Kemudahan Rangkaian Telekomunikasi	104
	- Pelaksanaan Bandar Pintar	107
	- Perpustakaan Digital Negeri Melaka	109
17.	Strategi Kesepuluh: Mengaktifkan Peranan Belia Dan Sukan	110
	- Program Pembangunan Keusahawanan Belia	110
	- Menstruktur Semula Pengurusan Kemudahan Sukan	111
	- Meneruskan Skim Insentif Sukan Bagi Atlet	112
18.	Memartabat Institusi Perekonomian Islam Selaras Dengan Konsep Rahmatan Lil Alamin	112
	- Memperkukuh Pengurusan Zakat	113
	- Memperluas Program Wakaf Dalam Kalangan Masyarakat	116
	Penutup	118

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa,
Pintar, Hijau, Bersih.**

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang
Berhormat;**

1. Saya dengan penuh takzim, berdiri di dalam Dewan yang mulia ini, memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk “Suatu Enakmen Perbekalan (2020) 2019 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud perbelanjaan pengurusan tahun 2020” dibaca bagi kali kedua.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang
Berhormat;**

Mukadimah

2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana pada pagi Isnin ini, 18 November 2019, bersamaan dengan 21 Rabiulawal 1441 Hijriah, dapat saya membentangkan

Belanjawan Negeri Melaka bagi tahun 2020 di Dewan yang mulia ini.

3. Belanjawan yang akan saya bentangkan ini adalah Belanjawan Negeri kali kedua selepas memegang amanah selaku Ketua Menteri. Saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka di atas sokongan serta panduan dan nasihat yang tidak putus-putus kepada saya sepanjang setahun enam bulan mentadbir negeri Melaka.

4. Semangat dan iltizam yang dimiliki oleh Tuan Yang Terutama Tun memberi inspirasi kepada saya bahawa tiada apa yang mustahil untuk dicapai dalam hidup jika setiap usaha disulami dengan kesungguhan dan komitmen yang berterusan. Justeru, saya dan barisan EXCO serta para pentadbir Kerajaan Negeri akan terus gigih menjayakan agenda pembangunan negeri demi mengembalikan kewibawaan Melaka.

5. Saya, bagi pihak Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat dengan penuh rasa takzim dan kesyukuran, mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Jadi kepada Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina binti Kassim serta keluarga dilimpahi rahmat Allah SWT dengan

nikmat kesihatan dan kebahagiaan serta kesejahteraan untuk terus memayungi Negeri dan rakyat Melaka tercinta.

6. Dewan Yang Mulia ini turut merafak sembah setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riáyatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustaín Billah sempena pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16 pada 30 Julai 2019. Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj serta usrah diraja diberi keafiatan dan dalam peliharaan Allah SWT serta memerintah dengan adil dan saksama.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Prospek Ekonomi Negara

7. Melangkah masuk ke tahun hadapan, persediaan dan perancangan lebih rapi diperlukan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi diperkasa dan agenda kesejahteraan rakyat diteruskan bagi mengembalikan Melaka sebagai negeri berwibawa.

8. Belanjawan 2020 telah pun dibentangkan oleh Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng pada 11 Oktober 2019 lalu. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan jawatankuasa penyediaan belanjawan tersebut. Belanjawan 2020 dirangka bagi mengoptimumkan impak ke atas pertumbuhan ekonomi negara, dan menjana peluang pekerjaan rakyat serta meneruskan perubahan struktur tanpa menjejaskan komitmen Kerajaan memulihkan keadaan fiskal.

9. Dalam keadaan situasi ekonomi dunia yang mencabar, Ekonomi Malaysia dijangka terus kekal berdaya tahan dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diunjur berkembang pada kadar 4.7 peratus pada tahun 2019 dan meningkat 4.8 peratus pada tahun 2020. Inflasi dijangka terus terkawal pada kadar dua peratus bagi tahun 2020.

10. Eksport negara dijangka mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2019. Dalam tempoh yang sama, Malaysia merekodkan imbangan perdagangan berjumlah **92.5 bilion ringgit (RM92.5 bilion)** iaitu 28.7 peratus lebih tinggi daripada **71.9 bilion ringgit (RM71.9 bilion)** yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

11. Secara keseluruhannya, imbangan pembayaran Malaysia kekal positif, dengan lebihan akaun semasa bagi 2019 dijangka

43.4 bilion ringgit (RM43.4 bilion) atau 2.9 peratus daripada Pendapatan Negara Kasar (GNI). Sehingga 30 September 2019, rizab antarabangsa negara kekal teguh iaitu **431.3 bilion ringgit (RM431.3 bilion) atau USD103 bilion**, berupaya menampung 7.6 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

12. Belanjawan 2020 yang bertemakan “**Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama**” dirangka bagi menstabilkan semula kedudukan kewangan dan meneruskan matlamat Wawasan 2020 berasaskan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Prospek Ekonomi Negeri

13. Rekod pertumbuhan ekonomi Melaka mencatat pertumbuhan yang sederhana dengan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Melaka 2018 adalah 3.9 peratus. Jumlah pendapatan KDNK Negeri adalah **42.4 bilion ringgit (RM42.4 bilion)** dengan Pendapatan Per Kapita, **47,960 ringgit (RM47,960.00)** iaitu lebih baik berbanding **46,799 ringgit (RM46,799.00)** pada tahun 2017. KDNK Per Kapita tahun 2018

juga mendahului kadar di peringkat nasional yang mencatat nilai pada **44,682 ringgit (RM44,682.00)**.

14. **Sektor perkhidmatan** terus unggul sebagai penyumbang utama ekonomi negeri iaitu pada kadar 46.6 peratus diikuti **sektor pembuatan** sebanyak 38.6 peratus. **Sektor pertanian dan pembinaan** masing-masing menyumbang pada kadar 10.8 peratus dan 3.5 peratus.

15. **Kadar pengangguran** masih terendah iaitu 1.4 peratus (2018), dan usaha-usaha masih diteruskan bagi mencapai sifar pengangguran. **Kadar inflasi** adalah rendah iaitu 0.8 peratus manakala **miskin tegar** adalah 0.0 peratus.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)

16. Pada 5 Oktober 2019 yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah melancarkan dokumen Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Wawasan ini adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif. Matlamat utama wawasan ini ialah menyediakan taraf kehidupan yang sewajarnya

kepada rakyat Malaysia pada tahun 2030. Objektif utama wawasan ini ialah:

- i. **Pembangunan untuk semua;**
- ii. **Menangani jurang kekayaan dan pendapatan; dan**
- iii. **Negara bersatu, makmur dan bermaruah.**

17. Seajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Belanjawan Negeri Melaka juga digubal berdasarkan prinsip-prinsip asas wawasan tersebut supaya seiring dengan usaha Kerajaan Persekutuan. Wawasan ini membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara pencipta, dan pengeluar, pembekal serta penyedia perkhidmatan kepada ekonomi hari ini dan masa hadapan yang lebih kompetitif.

Belanjawan Negeri Melaka 2020

18. Belanjawan Negeri Melaka tahun 2020 merupakan belanjawan untuk membina asas masa hadapan yang lebih baik bagi generasi akan datang. Kerajaan Negeri terus komited melaksana perbelanjaan berhemah dan meminima ketirisan ke arah memperkukuh pengurusan kewangan negeri untuk diwariskan kepada anak-anak pada masa hadapan.

19. Dengan tema ***“MEMAKMURKAN RUMAH KITA” di bawah payung Rahmatan Lil Alamin,*** Belanjawan Tahun 2020 saya

bentangkan sebagai mencerminkan aspirasi Kerajaan Negeri demi memacu dan merancakkan pertumbuhan ekonomi, serta meningkatkan asas kewangan setiap isi rumah melalui peningkatan pendapatan boleh guna serta mengukuhkan fiskal kewangan negeri melalui pengurangan hutang awam kepada Kerajaan Persekutuan dan defisit Akaun Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri, selain mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Simpanan Negeri Melaka.

Anggaran Hasil Tahun 2020

20. Anggaran hasil Kerajaan Negeri tahun 2020 dijangka meningkat kepada **390.22 juta ringgit (RM390.22 juta)** berbanding **384.29 juta ringgit (RM384.29 juta)** pada tahun **2019** iaitu peningkatan sebanyak **1.54 peratus**. Hasil Cukai 2020 dijangka sebanyak **154.65 juta ringgit (RM154.65 juta)** daripada kutipan cukai tanah dan kenaaan-kenaan yang berkaitan dengannya. Hasil Bukan Cukai dianggarkan berjumlah **181.55 juta ringgit (RM181.55 juta)** daripada faedah dan dividen pelaburan, bayaran lesen dan permit, premium tanah serta bayaran perkhidmatan dan sewaan. Manakala, Terimaan Bukan Hasil ialah sebanyak **54.02 juta ringgit (RM54.02 juta)** iaitu daripada pemberian Kerajaan Persekutuan dan bayaran balik pinjaman oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Anggaran Perbelanjaan Tahun 2020

21. Perbelanjaan keseluruhan Negeri Melaka yang diperuntukkan bagi tahun 2020 adalah sejumlah **390 juta ringgit (RM390 juta)**. Daripada anggaran perbelanjaan tersebut, **9.17 juta ringgit (RM9.17 juta)** adalah untuk maksud tanggungan dan **380.83 juta ringgit (RM380.83 juta)** untuk maksud bekalan.

22. Di bawah anggaran perbelanjaan pembangunan, sebanyak **70 juta ringgit (RM70 juta)** akan diperuntukkan iaitu **48.74 juta ringgit (RM48.74 juta)** daripada sumber hasil Negeri, pemberian Geran Tahap oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak **21.26 juta ringgit (RM21.26 juta)** dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak **20.00 ringgit (RM20.00)** sebagai token.

Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2020

23. Peruntukan bagi perbelanjaan mengurus bagi 2020 adalah sebanyak **390 juta ringgit (RM390 juta)** iaitu menunjukkan peningkatan sebanyak 2.03 peratus berbanding tahun 2019 sebanyak **382.23 juta ringgit (RM382.23 juta)**. Namun demikian, peningkatan ini adalah minimum setelah mengambil kira langkah penjimatan dan komitmen sedia ada jabatan. Perbelanjaan mengurus ini terdiri daripada perbelanjaan untuk Dasar Sedia Ada berjumlah **378.42 juta ringgit (RM378.42 juta)**, Dasar Baharu sejumlah **3.32 juta ringgit (RM3.32 juta)** dan *One Off* sejumlah **8.26 juta ringgit (RM8.26 juta)**.

Bagi Maksud Tanggungan

24. Bagi Maksud Tanggungan, peruntukan yang dicadangkan adalah sebanyak **9.17 juta ringgit (RM9.17 juta)** iaitu 2.35 peratus daripada jumlah keseluruhan Belanja Mengurus.

Bagi Maksud Bekalan

25. Di bawah Maksud Bekalan, untuk Belanjawan 2020, peruntukan yang dicadangkan adalah sebanyak **380.83 juta ringgit (RM380.83 juta)** atau 97.65 peratus daripada jumlah keseluruhan Belanja Mengurus. Perbelanjaan ini meliputi pembayaran emolumen dan perbelanjaan bekalan seperti sewaan dan utiliti, penyelenggaraan berkala Jabatan serta pembelian aset dan sumbangan kepada agensi untuk pembayaran emolumen. Ringkasan perbelanjaan adalah seperti berikut:

- i. Sejumlah **168.24 juta ringgit (RM168.24 juta)** diperuntukkan di bawah kod objek sebagai 20000 Perkhidmatan dan Bekalan dengan peratusan perbelanjaan tertinggi iaitu 44.18 peratus;
- ii. Sejumlah **107.96 juta ringgit (RM107.96 juta)** diperuntukkan dengan peratusan perbelanjaan kedua

tertinggi iaitu 28.35 peratus di bawah kod objek sebagai 10000 Emolumen;

- iii. Sejumlah **99.65 juta ringgit (RM99.65 juta)** diperuntukkan atau 26.17 peratus bagi kod objek sebagai 40000 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap;
- iv. Sejumlah **4.39 juta ringgit (RM4.39 juta)** atau 1.15 peratus diperuntukkan di bawah kod objek sebagai 30000 Aset; dan
- v. Sejumlah **0.59 juta ringgit (RM0.59 juta)** peruntukan dengan peratus perbelanjaan paling kecil iaitu 0.15 peratus bagi kod objek sebagai 50000 perbelanjaan-perbelanjaan lain.

26. Cadangan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Belanjawan 2020 mengikut Jabatan / Agensi adalah seperti berikut: -

- i. B01 Pejabat Tuan Yang Terutama Tun diperuntukkan sejumlah **4.67 juta ringgit (RM4.67 juta)**;
- ii. B02 Dewan Undangan Negeri diperuntukkan sejumlah **18.95 juta ringgit (RM18.95 juta)**;

- iii. B03 Jabatan Ketua Menteri diperuntukkan sejumlah **70.60 juta ringgit (RM70.60 juta)**;
- iv. B04 Jabatan Pertanian diperuntukkan sejumlah **6.13 juta ringgit (RM6.13 juta)**;
- v. B05 Pejabat Tanah dan Galian diperuntukkan sejumlah **10.87 juta ringgit (RM10.87 juta)**;
- vi. B06 Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah diperuntukkan sejumlah **9.41 juta ringgit (RM9.41 juta)**;
- vii. B07 Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah diperuntukkan sejumlah **8.80 juta ringgit (RM8.80 juta)**;
- viii. B08 Pejabat Daerah dan Tanah Jasin diperuntukkan sejumlah **8.07 juta ringgit (RM8.07 juta)**;
- ix. B09 Sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun sejumlah **48.94 juta ringgit (RM48.94 juta)**;
- x. B10 Jabatan Pengairan dan Saliran diperuntukkan sejumlah **10.87 juta ringgit (RM10.87 juta)**;
- xi. B11 Jabatan Hutan diperuntukkan sejumlah **2.53 juta ringgit (RM2.53 juta)**;

- xii. B12 Jabatan Kerja Raya diperuntukkan sejumlah **30.56 juta ringgit (RM30.56 juta)**;
- xiii. B13 Jabatan Agama Islam Melaka diperuntukkan sejumlah **72.23 juta ringgit (RM72.23 juta)**;
- xiv. B14 Jabatan Kebajikan Masyarakat diperuntukkan sejumlah **18.27 juta ringgit (RM18.27 juta)**;
- xv. B15 Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri diperuntukkan sejumlah **6.29 juta ringgit (RM6.29 juta)**;
- xvi. B16 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri diperuntukkan sejumlah **3.41 juta ringgit (RM3.41 juta)**;
- xvii. B17 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa diperuntukkan sejumlah **4.33 juta ringgit (RM4.33 juta)**;
- xviii. B18 Mahkamah Syariah diperuntukkan sejumlah **5.11 juta ringgit (RM5.11 juta)**;
- xix. B19 Jabatan Mufti Negeri Melaka diperuntukkan sejumlah **3.20 juta ringgit (RM3.20 juta)**;

- xx. B20 Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri diperuntukkan sejumlah **35.98 juta ringgit (RM35.98 juta)**; dan
- xxi. B21 Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri diperuntukkan sejumlah **1.61 juta ringgit (RM1.61 juta)**;

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang
Berhormat;**

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2020

27. Di bawah Perbelanjaan Pembangunan Belanjawan 2020, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sebanyak **70 juta ringgit (RM70 juta)**; iaitu kenaikan sebanyak **5.0 juta ringgit (RM5 juta)**; atau 7.69 peratus berbanding **65 juta ringgit (RM65 juta)** bagi tahun 2019. Perbelanjaan Pembangunan ini diperuntukkan daripada sumber Kerajaan Negeri melalui pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak **48.74 juta ringgit (RM48.74 juta)**, Pemberian Geran Tahap oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak **21.26 juta ringgit (RM21.26 juta)** dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak **20.00 ringgit (RM20.00)** sebagai token.

28. Kerajaan Negeri akan memastikan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) diperkasa demi menjamin perkhidmatan berkualiti kepada rakyat yang meliputi semua kelompok masyarakat di peringkat akar umbi. Untuk tujuan itu, pada tahun 2020, sejumlah **12.45 juta ringgit (RM12.45 juta)** akan diperuntukkan berbanding **11.05 juta ringgit (RM11.05 juta)** pada tahun 2019.

29. Peruntukan Pembangunan Belanjawan 2020 yang disediakan untuk pelbagai projek di bawah Jabatan / Agensi adalah seperti berikut: -

- i. P10 Jabatan Kerja Raya diperuntukkan sejumlah **9.10 juta ringgit (RM9.10 juta)**;
- ii. P11 Jabatan Pengairan dan Saliran diperuntukkan sejumlah **8.30 juta ringgit (RM8.30 juta)**;
- iii. P12 Jabatan Pertanian diberi diperuntukkan sejumlah **1.28 juta ringgit (RM1.28 juta)**;
- iv. P13 Jabatan Perkhidmatan Veterinar diperuntukkan sejumlah **0.90 juta ringgit (RM0.9 juta)**;
- v. P16 Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur) diperuntukkan sejumlah **16.76 juta ringgit (RM16.76 juta)**;
- vi. P18 Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri diperuntukkan sejumlah token **20 ringgit (RM20.00)**;

- vii. P19 Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah diperuntukkan sejumlah **7.0 juta ringgit (RM7 juta)**;
- viii. P20 Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah diperuntukkan sejumlah **5.35 juta ringgit (RM5.35 juta)**;
- ix. P21 Pejabat Daerah dan Tanah Jasin diperuntukkan sejumlah **3.45 juta ringgit (RM3.45 juta)**;
- x. P22 Jabatan Agama Islam Melaka diperuntukkan sejumlah **14.71 juta ringgit (RM14.71 juta)**; dan
- xi. P23 Peruntukan projek-projek khas Ketua Menteri sejumlah **3.15 juta ringgit (RM3.15 juta)**.

30. Negeri Melaka akan terus menyahut aspirasi Negara dalam menggarap agenda pembangunan bertunjangkan kesejahteraan rakyat menerusi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu rancangan terakhir sebelum Wawasan 2020. Beberapa dasar bagi memenuhi kehendak golongan sasaran telah ditetapkan berdasar kepada komposisi pertumbuhan pembangunan Negeri.

31. Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tempoh 2018-2020 telah membuat anjakan dan penyesuaian ke atas dasar dan strategi jangka sederhana. Keutamaan dan penekanan baharu adalah terhadap dasar serta strategi dan inisiatif sedia ada serta memperkukuh tadbir urus

bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi berasaskan **enam tonggak utama** iaitu: -

- i. Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam;
- ii. Memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat;
- iii. Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang;
- iv. Memperkasa modal insan;
- v. Mempertingkatkan kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau; dan
- vi. Memperkukuh pertumbuhan ekonomi.

32. Selain daripada **70 juta ringgit (RM70 juta)**; yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan perbelanjaan pembangunan, Kerajaan Persekutuan turut menyediakan dana bagi memastikan kelangsungan perancangan pembangunan Negeri. Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) telah membelanjakan sejumlah **1.64 bilion ringgit (RM1.64 bilion)** iaitu **356.80 juta ringgit (RM356.8 juta)**; pada tahun 2016, **475.26 juta ringgit (RM475.26 juta)** pada

tahun 2017, **493.48 juta ringgit (RM493.48 juta)** pada tahun 2018 dan **324.00 juta ringgit (RM324 juta)** sehingga 11 September dengan baki peruntukan tahun 2019 berjumlah **127.06 juta ringgit (RM127.06 juta)**.

33. Kerajaan Negeri Melaka telah mengemukakan permohonan baharu sebanyak **6.94 bilion ringgit (RM6.94 bilion)**; kepada Kerajaan Persekutuan untuk *Rolling Plan 4* (RP4), di bawah RMKe-11 bagi tahun 2020.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang
Berhormat;**

Menyantuni Isu-Isu Rakyat

34. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin akan permasalahan rakyat. Isu seperti banjir dan bekalan air yang tidak mencukupi, kesesakan lalu lintas serta pemilikan rumah, kos sara hidup dan keselamatan sentiasa mendapat perhatian teratas. Malah, pelbagai bantuan disediakan demi meringankan beban rakyat.

BANJIR

35. Kerajaan Negeri optimis masalah banjir yang sering melanda negeri ini dapat diatasi menerusi pelaksanaan pelbagai pendekatan jangka pendek dan jangka panjang.

Pendekatan Jangka Pendek

36. Untuk tujuan penyelesaian jangka pendek, pada tahun 2019, sejumlah **3.85 juta ringgit (RM3.85 juta)** telah dibelanjakan bagi kerja-kerja menaik taraf serta pembersihan sistem perparitan dan saluran. Antaranya adalah:

- i. Menaik taraf saluran konkrit dan pembentung jalan di Jalan Lorong Pandan dan Jalan Bukit Katil serta Jalan Krubong menghala ke Tampoi dan Jalan Limbongan, berjumlah **1.29 juta ringgit (RM1.29 juta)**;
- ii. Menaik taraf saluran dan pembentung serta sistem *flood gate* di persimpangan *Public Bank* Melaka Baru, berjumlah **980 ribu ringgit (RM980,000)**; dan
- iii. Menaik taraf saluran dan sistem perparitan di Taman Bukit Beruang Utama dan Taman Merdeka, Taman Bunga Raya serta Taman Bukit Katil Damai, Taman Malim Jaya dan Taman Seri Jati dan Taman Merbok serta menaik taraf kolam

takungan banjir di Taman Melawis, berjumlah **750 ribu ringgit (RM750,000)**;

37. Beberapa projek kecil juga telah dilaksanakan termasuklah:

- i. Penyelenggaraan saliran di Kampung Menggong dan Kampung Padang Sebang, Solok Air Manggis serta Kampung Telok Gong dan Kampung Gangsa, berjumlah **260 ribu ringgit (RM260,000)**;
- ii. Menaik taraf saliran di Kampung Balai Panjang, berjumlah **200 ribu ringgit (RM200,000)**;
- iii. Penyelenggaraan dan pembersihan saliran di Kampung Pulai, Kampung Solok Hilir serta Kampung Pondok Kempas, berjumlah **190 ribu ringgit (RM190,000)**; dan
- iv. Menaik taraf sistem perparitan di Jalan Wakaf 6, Kampung Tun Razak, berjumlah **179 ribu ringgit (RM179,000)**;

38. Ekoran banjir kilat yang sering melanda yang disebabkan oleh faktor perparitan dan saliran, maka pada tahun 2020, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan sejumlah **80.86 juta ringgit (RM80.86 juta)** untuk melaksana kerja-kerja berikut:

- i. Menaik taraf sistem saliran di Sekolah Menengah Tun Tuah ke Lorong Pandan dan Kampung Enam, Kampung Tujuh serta Jalan Tamby Abdullah dengan kos projek berjumlah, **32.97 juta ringgit (RM32.97 juta)**;
- ii. Pemulihan muara sungai di Sungai Baru **12 juta ringgit (RM12 juta)**; Sungai Punggor **12 juta ringgit (RM12 juta)** dan Sungai Duyung berjumlah **10 juta ringgit (RM10 juta)**;
- iii. Menaik taraf pintu kawalan air di Muara Sungai Melaka dengan peruntukan **10 juta ringgit (RM10 juta)**;
- iv. Menaik taraf perparitan dan saliran kawasan perumahan di Alor Gajah dan Jasin berjumlah **satu juta ringgit (RM1 juta)**;
- v. Membina saliran konkrit di Parit Tambak Telok Mas, Parit Permatang Pasir dan Parit Tepi Jalan Masjid Bukit Nibong, berjumlah **600 ribu ringgit (RM600,000)**;
- vi. Menaik taraf tebing dan sungai di Parit Alai dan Kampung Paya Buloh, Kampung Serkam serta Parit Sidang Seman, Parit Daka dan Kampung Merlimau Pantai dan Sungai Merlimau berjumlah **560 ribu ringgit (RM560,000)**;

- vii. Melaksana projek pembinaan sistem pam banjir di kawasan Kompleks Melaka Mall, berjumlah **500 ribu ringgit (RM500,000)**;
- viii. Membina sistem kawalan banjir di kawasan perindustrian Batu Berendam dan Malim Jaya, masing-masing berjumlah **500 ribu ringgit (RM500,000)**;
- ix. Membina *U Drain* di Kampung Jelatang, Parit Kelubi dan Kampung Kelemak, berjumlah **360 ribu ringgit (RM360,000)**;
- x. Menjajar semula struktur binaan di bahagian Kuala Sungai Putat, berjumlah **250 ribu ringgit (RM250,000)**; dan
- xi. Menaik taraf sistem perparitan di Kampung Seri Mendapat berjumlah **120 ribu ringgit (RM120,000)**.

Pendekatan Jangka Panjang

39. Bagi penyelesaian jangka panjang, **Projek Tebatan Banjir** kini dalam peringkat reka bentuk berjumlah **289 juta ringgit (RM289 juta)**, melibatkan kawasan Sungai Duyong sebanyak **163.8 juta ringgit (RM163.8 juta)** serta Bandar Jasin **60 juta ringgit (RM60 juta)**, Bandar Alor Gajah, **30 juta ringgit (RM30**

juta) dan Bandar Merlimau, **36 juta ringgit (RM36 juta)**. Projek ini dijangka siap menjelang tahun 2022.

40. Selain daripada itu, peruntukan untuk mengatasi masalah banjir berjumlah **7.7 juta ringgit (RM7.7 juta)** juga akan dilaksanakan di kawasan perumahan utama seperti Taman Terendak Permai di Sungai Udang dan Taman Tun Fatimah di Durian Daun, Duyong serta Taman Malim Jaya di Kesidang dan Jalan Datuk Sim Mow Yu, Jalan Kubu serta Jalan Hang Tuah, Kampung Pulau Kelapa di Pengkalan Batu dan Taman Rambai Jaya di Klebang, Kampung Pengkalan Rama serta Kota Laksamana dan Kawasan Banda Hilir.

41. Bagi memastikan pengurusan banjir di seluruh negeri dilaksanakan secara teratur dan mampan, satu pelan komprehensif akan diwujudkan. Untuk itu, Kerajaan Negeri melalui jabatan-jabatan berkaitan sedang memperhalusi elemen-elemen tersebut.

KEKURANGAN BEKALAN AIR

Bekalan Air Mentah

42. Melaka merupakan antara negeri yang mempunyai sumber air yang terhad. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk mendapatkan bekalan air mentah dari Sungai Muar. Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri

telah membelanjakan sejumlah 5.12 juta ringgit **(RM5.12 juta)** dan jumlah ini meningkat kepada 6.60 juta ringgit **(RM6.60 juta)** pada tahun 2019.

43. Sepertimana kita semua sedia maklum, gangguan bekalan air baru-baru ini berpunca daripada musim kemarau yang berpanjangan dan ini telah menjejaskan sejumlah 22,000 keluarga atau 9.7 peratus daripada seluruh penduduk negeri. Gangguan bekalan air ini hanya berlaku di kawasan Melaka Tengah serta sebahagian kawasan di daerah Jasin.

44. Justeru, memahami situasi berkenaan, serta mengambil kira keperluan bekalan air dan perancangan pembangunan negeri secara holistik, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan jangka pendek dan jangka panjang dalam membangunkan prasarana air mentah, antaranya adalah:

Pendekatan Jangka Pendek

Untuk mengatasi isu gangguan bekalan air, inisiatif yang telah diambil adalah:

- i. Memohon air tambahan Sungai Muar sebanyak **12 juta gelen sehari** daripada 35 juta gelen dari Negeri Johor;

- ii. Melaksana 3 siri operasi pembenihan awan dengan kos berjumlah **208 ribu ringgit (RM208,000)**;
- iii. Mengepam air ke Sungai Melaka dari kolam tasik Ayer Keroh dan kolam Kesang dengan masing-masing **5 juta liter sehari**;
- iv. Menyalurkan air ke Sungai Batang Melaka daripada bekas lombong di Bukit Sedanan, Jasin dan Menggong, Alor Gajah;
- v. Mengepam air ke Sungai Melaka dari kolam tebatan banjir Durian Tunggal; dan
- vi. Mengambil tindakan undang-undang terhadap aktiviti pengekstrakan air mentah secara haram di Sungai Melaka dan Sungai Batang Melaka.

Pendekatan Jangka Panjang

i) Projek Pembinaan Empangan Jernih, Daerah Alor Gajah, Melaka

45. Pembinaan Empangan Jernih di daerah Alor Gajah merupakan alternatif bagi menampung keperluan sumber air mentah baharu di Negeri Melaka. Empangan ini akan menerima

air dari Sungai Rembau dengan *gross yield* mencapai sehingga 100 juta liter sehari dengan kos pembinaan sebanyak 168 juta ringgit (RM168 juta). Pelaksanaan tender bagi pembinaan Empangan Jernih akan diadakan pada bulan Januari 2020 manakala kerja-kerja pembinaan akan bermula pada bulan April 2020 dan dijangka siap pada September tahun 2022.

ii) **Projek Pembinaan Telaga Dalam di Loji Rawatan Air Gadek dan Loji Rawatan Air Sungai Siput**

46. Kerajaan Negeri sedang membina Telaga Dalam di Loji Rawatan Air Gadek berjumlah **300 ribu ringgit (RM300,000)** dengan kedalaman di antara 80 hingga 150 meter. Telaga ini mampu menampung dan membekalkan antara 1 hingga 3 juta liter air sehari. Pada tahun 2020 pula, Kerajaan Negeri merancang akan membina Telaga Dalam dengan kapasiti yang sama Loji Rawatan Air Sungai Siput.

iii) **Projek *Off River Storage* (ORS) Melaka**

47. Memandangkan Negeri Melaka tidak mempunyai sumber air semulajadi yang mencukupi untuk menampung keperluan permintaan yang semakin meningkat, maka Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan Projek *Off River Storage* (ORS) Melaka di Tasik Biru, Jasin. Projek ORS ini amat penting bagi memastikan sumber air yang berterusan iaitu sebanyak **310 juta**

liter sehari untuk menampung keperluan bekalan air terawat di negeri Melaka sehingga tahun 2040.

48. Selain itu, bagi mengatasi kekurangan bekalan air di Empangan Durian Tunggal, Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli untuk membangunkan projek pemasangan paip dari Tasik Biru ke Empangan Durian Tunggal dengan kos berjumlah **40.8 juta ringgit (RM40.8 juta)**.

iv) Sistem Penuaian Air Hujan

49. Kerajaan Negeri juga turut mengambil pendekatan menyimpan air hujan bagi kegunaan bekalan air mentah melalui pemasangan tangki simpanan di semua projek perumahan dan perindustrian baharu. Ini bertujuan untuk mengoptimalkan fungsi penyimpanan air harian.

Bekalan Air Terawat

50. Sehingga kini, kadar pengeluaran air di Negeri Melaka ialah **610 juta liter sehari**, manakala permintaan penggunaan air ialah sebanyak **430 juta liter sehari**. Ini bermakna, Melaka mempunyai rizab air sejumlah **180 juta liter sehari**. Walau bagaimanapun, kadar pengeluaran air pada ketika krisis yang

diakibatkan oleh jumlah hujan yang sedikit dan kemarau berpanjangan ialah **514 juta liter sehari** manakala permintaan meningkat kepada **549 juta liter sehari**. Keadaan ini juga disebabkan penggunaan yang banyak pada musim perayaan, cuti persekolahan serta kebanjiran pelancong sempena Tahun Melawat Melaka 2019.

51. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Melaka mengambil pendekatan jangka pendek melalui jalinan kerjasama ketika berhadapan krisis air dengan mendapatkan sumber air terawat dari Negeri Sembilan dan Johor serta dibantu dengan kemudahan logistik oleh semua syarikat konsesi pembekal air di Semenanjung Malaysia.

Pendekatan Jangka Panjang

52. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah **253 juta ringgit (RM253 juta)** untuk kerja-kerja berikut:

- i. Pembesaran Loji Rawatan Air Merlimau berkapasiti asal **55 juta liter sehari** kepada **110 juta liter sehari**, berjumlah **150 juta ringgit (RM150 juta)**;

- ii. Pembinaan *Compact Plant* Loji Rawatan Air Sungai Siput berkapasiti **9 juta liter sehari**, berjumlah **11 juta ringgit (RM11 juta)**;
- iii. Pembinaan Loji Rawatan Air Jernih berkapasiti **45 juta liter sehari**, berjumlah **78 juta ringgit (RM78 juta)**; dan
- iv. Pembinaan *Compact Plant* di Loji Rawatan Air Bukit Bulat, Machap berkapasiti **10 juta liter sehari**, berjumlah **14 juta ringgit (RM14 juta)**.

Penyulingan Air Laut

53. Bagi merencanakan pembangunan Pulau Besar selain daripada sumber utama, Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan teknologi proses penyulingan air laut di Pulau Besar untuk dijadikan sumber air terawat bagi menampung kapasiti pengguna yang dianggarkan seramai 2,000 orang pada satu-satu masa. Proses tersebut menelan belanja sejumlah **tiga juta ringgit (RM3 juta)** dengan kapasiti pengeluaran 240 ribu liter sehari. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji kesesuaian kaedah penyulingan air laut menggunakan lebih tenaga dari penjanaan loji janakuasa di Melaka.

54. Bagi memastikan bekalan air mencukupi pada masa hadapan khususnya bagi memenuhi keperluan industri pelancongan, satu

kajian menyeluruh perlu dilaksanakan untuk menilai kaedah dan implikasi kos yang terlibat dalam mengoptimumkan sumber air laut menerusi proses penyulingan. Jika bersesuaian, ia boleh menjadi alternatif jangka panjang Kerajaan Negeri ke arah mengurangkan defisit air.

Sistem Pembentungan Berpusat

55. Bagi memastikan sistem pengurusan kumbahan yang lebih efisien serta menjamin persekitaran yang bersih, Kerajaan Negeri dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan projek pembinaan loji rawatan kumbahan berpusat dan rangkaian paip pembentungan di Batu Berendam dengan kos sejumlah **395.58 juta ringgit (RM395.58 juta)**.

56. Bagi meningkatkan kualiti air di Sungai Melaka, Kerajaan Negeri bercadang menambah baik sistem kumbahan di kawasan perumahan tradisional iaitu Kampung Morten, Kampung Hulu dan Kampung Jawa dengan kos berjumlah **365,900 ringgit (RM365,900)**. Di samping itu, dua taman perumahan yang dikenal pasti perlu dinaik taraf sistem kumbahannya ialah Taman Melaka Baru Fasa 1 dan Taman Rumpun Bahagia dengan **217,392 ringgit (RM217.392)**. Kedua-dua projek pembentungan tersebut akan dilaksanakan menggunakan peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menambah baik sistem pembentungan dalam

tempoh jangka panjang dengan kos keseluruhan yang dianggarkan sebanyak **44 juta ringgit (RM44 juta)**.

KESESAKAN LALU LINTAS

57. Isu kesesakan lalu lintas telah sekian lama membelenggu Negeri Melaka, malahan, ia sinonim dengan Melaka. Meskipun begitu kita sedia maklum, bukanlah usaha yang mudah untuk kita menangani isu kesesakan lalu lintas. Namun Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk mencari jalan penyelesaian terbaik. Antara langkah proaktif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas adalah dengan memperkenalkan inisiatif baharu iaitu **sistem lampu isyarat pintar**.

58. Ia sekali gus menjadikan Melaka sebagai negeri perintis yang melaksanakan sistem berkenaan bagi menyelesaikan masalah lalu lintas terutama dalam kawasan bandar.

59. Sistem yang menggunakan pautan gelombang hijau ini telah siap sepenuhnya pada Mac 2019 dan dilaksanakan bermula dari persimpangan Perindustrian Ayer Keroh hingga ke persimpangan Pengkalan Batu. Kaedah ini telah membantu penyuraian aliran trafik sehingga 60 peratus di mana kenderaan hanya berhenti sekali atau dua kali di sepanjang lapan persimpangan laluan tersebut.

60. Hasil daripada kejayaan ini, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka berhasrat memperluas pelaksanaan sistem lampu isyarat pintar di semua persimpangan utama seperti berikut:

- i. Jaringan Lebuh AMJ (Alor Gajah-Melaka-Jasin) - 20 Persimpangan;
- ii. Jaringan Lebuh SPA (Sungai Udang - Paya Rumput - Ayer Keroh) - 10 Persimpangan;
- iii. Jaringan Lebuh Ayer Keroh - 10 Persimpangan;
- iv. Jaringan Jalan di kawasan Bukit Katil - 6 Persimpangan; dan
- v. Jaringan Jalan di kawasan Batu Berendam - 7 Persimpangan.

PEMILIKAN RUMAH

61. Kerajaan Negeri mensasarkan pembinaan semua jenis rumah sejumlah **38,225 unit Rumah Mampu Milik** bagi tempoh 2018 hingga 2023. Sehingga kini sejumlah **6,480 unit Rumah Mampu Milik** pada harga **180 ribu ringgit (RM180,000) dan ke bawah** telah disiapkan di seluruh negeri Melaka. Bagi memastikan dasar yang lebih menyeluruh, pada 1 Mac 2019, Kerajaan Negeri telah menambah baik Dasar Pembangunan

Perumahan sedia ada dan menetapkan komponen pembangunan perumahan yang perlu dipatuhi oleh semua pemaju perumahan.

62. Pemaju perumahan yang membangunkan projek perumahan dengan keluasan melebihi **8 ekar** perlu menyediakan **10 peratus Rumah Kos Rendah** dan **10 peratus Rumah Harapan atau Rumah Kos Sederhana Rendah** serta **30 peratus Rumah Mampu Milik**. Penambahbaikan ini memberi fokus khusus kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana iaitu kelompok B40 dan M40. Baki 50 peratus meliputi lain-lain jenis pembangunan perumahan.

63. Bagi memenuhi keperluan permintaan perumahan golongan M40 dan B40 serta menjayakan sasaran pembinaan **38,225 unit rumah** bagi tempoh 2018 hingga 2023, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan beberapa skim perumahan, antaranya:

i) Rumah Peduli

64. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Rumah Peduli dengan kos pembinaan sebanyak **32 ribu ringgit (RM32,000)** untuk dua bilik dan **37,500 ringgit (RM37,500)** untuk 3 bilik bagi isi rumah berpendapatan **satu ribu ringgit (RM1,000) ke bawah**. Untuk tahun ini, sejumlah **enam juta ringgit (RM6 juta)** telah diperuntukan untuk membina rumah kategori ini. Rumah Peduli yang pertama telah dibina di Kampung Lipat Kajang, Merlimau pada 10 Jun 2019. Kerajaan Negeri mensasarkan pembinaan

sebanyak 84 unit Rumah Peduli menjelang bulan Disember tahun 2020. Sehingga kini, sejumlah 25 buah rumah telah dibina dan dijangka siap pada akhir tahun 2019. Selain daripada itu, sejumlah 17 unit lagi telah diproses untuk pembinaan menjadikan jumlah keseluruhan 62 unit yang telah dan sedang dalam proses pembinaan.

ii) Rumah Kos Rendah

65. Kerajaan Negeri juga menyediakan Rumah Kos Rendah yang berharga **42 ribu ringgit (RM42,000)** seunit **untuk isi rumah berpendapatan tidak melebihi tiga ribu ringgit (RM3,000) sebulan**. Sehingga kini, sejumlah 1,445 unit rumah kategori ini telah dan sedang dibina.

iii) Rumah Harapan

66. Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan pembinaan Rumah Harapan yang berharga di antara **85 ribu ringgit (RM85,000) sehingga 100 ribu ringgit (RM100,000)** seunit. Rumah kategori ini disediakan untuk **isi rumah berpendapatan tidak melebihi enam ribu ringgit (RM6,000) sebulan**. Pada masa ini sebanyak 206 unit Rumah Harapan sedang dibina dan dijangka siap pada tahun 2021.

iv) Rumah Mampu Milik

67. Kerajaan Negeri menyediakan Rumah Mampu Milik dengan **harga tidak melebihi 180 ribu ringgit (RM180,000)** kepada **isi rumah berpendapatan tidak melebihi lapan ribu ringgit (RM8,000) sebulan**. Pada masa ini sejumlah 3,163 buah rumah telah siap dibina manakala sebanyak 3,731 unit dalam pelbagai peringkat pembinaan.

v) Rumah Belia

68. Bagi memastikan golongan belia mampu memiliki rumah, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Rumah Belia pada tahun 2019. Rumah ini terbuka kepada golongan belia yang mempunyai **pendapatan isi rumah bulanan lapan ribu ringgit (RM8,000) ke bawah** dan **berumur tidak melebihi 35 tahun**. Pembelian rumah ini diberikan **potongan harga sebanyak 10 peratus** iaitu melalui pengecualian duti setem dan yuran guaman. Pada masa ini sebanyak 280 unit Rumah Belia sedang dibina dan dijangka siap pada tahun 2021.

vi) Rumah Berkat

69. Bagi mengurangkan bebanan kepada pasangan muda yang baharu berumah tangga, Kerajaan Negeri telah menyediakan skim Rumah Berkat. Fokus adalah kepada isi rumah yang baharu

berumah tangga dengan **pendapatan tidak melebihi tiga ribu ringgit (RM3,000)**, **berumur tidak melebihi 35 tahun** dengan kadar sewaan seunit serendah **satu ratus lima puluh ringgit (RM150.00) sebulan** dan tempoh penyewaan maksimum tiga tahun. Sehingga kini, sebanyak 60 unit Rumah Berkat telah disediakan.

vii) Skim Pembiayaan Dana Harta Bumiputera

70. Bagi membantu golongan bumiputera yang ingin memiliki Rumah Kos Rendah atau Rumah Harapan, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Dana Harta Bumiputera. Dana ini akan memfokus kepada golongan B40 dan sebahagiannya kepada M40 diuruskan oleh Amanah Finance House dan mula ditawarkan mulai November ini. Sebagai permulaan untuk tahun 2019, Kerajaan Negeri menyediakan dana berjumlah 12.9 juta ringgit (RM12.9 juta) dan pada tahun 2020 disasarkan berjumlah 15 juta ringgit (RM15 juta).

KOS SARA HIDUP

71. Berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat, pelbagai inisiatif dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi menambah bekalan hasil pertanian, perikanan dan penternakan. Langkah ini secara tidak langsung dapat mengawal harga pasaran bahan mentah untuk kegunaan harian.

Pertanian

72. Sektor pertanian tidak kurang pentingnya bagi memastikan bekalan makanan mencukupi sekali gus mematuhi piawaian keselamatan makanan. Pelbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan dengan menerapkan kaedah serta teknologi terkini seperti **kilang pengeluaran sayuran** dan **fertigasi berasaskan *Internet Of Things* (IOT)**.

i) Kilang Pengeluaran Sayuran

73. Kilang pengeluaran sayuran merupakan salah satu teknik pertanian moden yang boleh digunapakai. Melalui kaedah ini, sayur-sayuran ditanam di dalam bangunan menggunakan sistem pencahayaan LED sebagai sumber proses fotosintesis bagi mempercepatkan tempoh hasil tuaian.

74. Pendekatan ini dapat meningkatkan produktiviti di kawasan tanah yang terhad dengan hasil berkualiti tinggi serta bebas daripada bahan racun makhluk perosak. Ini secara tidak langsung dapat menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian. Sebanyak dua projek perintis telah dilaksanakan iaitu di Batu Berendam dan Kota Laksamana dengan menjadikan **bangunan rumah kedai sebagai lokasi penanaman**.

75. Kerajaan Negeri bersedia memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada pengusaha yang berminat. Bagi mengembangkan inisiatif ini, **Pusat Khidmat Setempat** akan diwujudkan untuk memberi khidmat nasihat dan temu sua perniagaan bersama pengusaha yang berminat.

ii) **Fertigasi Berasaskan *Internet Of Things* (IOT)**

76. Fertigasi merupakan konsep pertanian moden yang menggunakan polibeg dan diusahakan di tanah yang terhad serta dilengkapi sistem pemantauan masa nyata suhu, kelembapan udara dan tanah serta kawalan pam air. Projek ini telah dilaksanakan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Pulau Gadong bagi pengeluaran sayuran. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri berjaya memperolehi peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah **1.15 juta ringgit (RM1.15 juta)** untuk membangunkan projek fertigasi terbuka di Sungai Rambai.

iii) **Penggunaan Optimum Tanah Terbiar**

77. Kerajaan Negeri melihat potensi besar dalam **penggunaan optimum tanah terbiar** yang dianggarkan berkeluasan 1,511.7 hektar. Beberapa kawasan tanah terbiar di semua daerah telah diusahakan bagi tanaman kontan seperti pisang dan ubi kayu. Kerajaan Negeri juga akan mula melaksanakan tanaman industri

seperti kelapa pandan mulai tahun 2020 di Masjid Tanah, Bemban dan Selandar.

iv) Menambah Bilangan Agropreneur Muda

78. Pada tahun 2019, seramai lima orang Agropreneur Muda telah menerima geran berjumlah **15 ribu ringgit (RM15,000)** seorang daripada Kerajaan Persekutuan bagi mengusahakan fertigasi cili dan industri asas tani. Kejayaan yang dicapai menerusi program ini akan menjadi dorongan kepada Kerajaan Negeri untuk terus berusaha menambah jumlah Agropreneur Muda pada tahun hadapan dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Perikanan

79. Sektor perikanan yang terdiri daripada dua aktiviti utama iaitu **perikanan tangkapan** dan **akuakultur** adalah penyumbang utama kepada sumber ikan dan pendapatan para nelayan serta pengusaha di negeri ini. Kerajaan akan mempergiat **Program Inkubator Usahawan Perikanan** bagi melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang perikanan sekali gus meningkatkan pendapatan mereka.

80. Bagi tahun 2019, nilai bagi perikanan tangkapan dijangka meningkat kepada 2,000 tan metrik dengan anggaran berjumlah

35 juta ringgit (RM35 juta). Industri akuakultur dijangka menyumbang sejumlah 8,000 tan metrik keluaran ikan dan udang dengan anggaran nilai **64 juta ringgit (RM64 juta).** Sasaran tangkapan perikanan bagi tahun 2020 meningkat kepada 2,100 tan metrik manakala industri akuakultur dijangka kekal pada tahap 8,000 tan metrik.

i) Pengurusan Perikanan Tangkapan

81. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam membela nasib dan masa hadapan nelayan. Bagi meningkatkan sumber ikan tangkapan, **Pulau Besar** telah diwartakan **sebagai Kawasan Larangan Perikanan.** Pada tahun 2019, **Pulau Undan** dan **Pulau Dodol, Pulau Nangka** serta **Pulau Serimbun dan Pulau Hanyut** telah dijadikan **Taman Laut** sekali gus membantu meningkatkan stok ikan dan pendapatan para nelayan di negeri ini.

82. Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan **projek Komuniti Perikanan** di pangkalan Pantai Siring dan Sebatu di daerah Jasin, Pernu di daerah Melaka Tengah dan Paya Lebar di daerah Alor Gajah. Konsep komuniti perikanan ini memudahkan penyaluran maklumat yang tepat berhubung dasar Kerajaan dan pembangunan industri perikanan kepada nelayan. Di antara aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan termasuklah ternakan kupang, penghasilan produk industri asas tani, bengkel sampan,

pusat pengumpulan udang galah, pelepasan benih ikan dan udang ke perairan sungai dan lain-lain. Konsep ini akan diperluas ke kawasan atau pangkalan lain pada tahun 2020.

ii) Industri Akuakultur

83. Melaka pada masa ini merupakan salah satu pengeluar benih ikan marin di Malaysia iaitu di Zon Industri Akuakultur (ZIA) Sempang, Merlimau. Pusat pengeluaran benih ini terdiri daripada 64 tangki 1 tan dan 24 tangki 2 tan serta mampu mengeluarkan sejumlah **480,000 ekor benih ikan** setahun. Spesis ternakan baharu seperti ikan marin dalam sangkar, kerang-kerangan dan ikan tilapia akan ditenak di Pulau Burung, perairan Sebatu dan Kuala Linggi pada tahun 2020. Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak **1.8 juta ringgit** (RM1.8 juta) untuk membangunkan Industri Akuakultur.

84. Kerajaan Negeri turut menekankan Amalan Akuakultur Baik serta Skim Pensijilan myGAP dan sijil Kualiti Ikan bagi mengeluarkan produk ikan dan udang berkualiti serta mengelakkan pencemaran sumber air mentah. Sehingga 2019, sebanyak 4 buah ladang telah mendapat pensijilan myGAP serta satu ladang ternakan udang dan sebuah kilang makanan telah mendapat sijil Kualiti Ikan.

iii) Program Inkubator Usahawan Perikanan

85. Kerajaan Negeri juga melaksanakan program inkubator untuk melahirkan usahawan berjaya dalam bidang perikanan. Antara projek yang berjaya ialah penghasilan usahawan menerusi Pusat Transformasi Produk Perikanan di Batu Berendam yang mampu mengeluarkan sehingga 200 tan metrik keropok lekor bernilai **1.7 juta ringgit** (RM1.7 juta) setahun. Ia turut diiktiraf menerusi persijilan MESTI dan HALAL serta berjaya dieksport ke pasaran Brunei, Korea Selatan dan Hong Kong.

86. Di samping itu, Melaka juga berpotensi sebagai pengeluar benih udang galah melalui Pusat Pembenihan Udang Galah, Kuala Linggi yang mampu mengeluarkan tiga juta benih udang galah bernilai **240 ribu ringgit** (RM240,000) setahun. Projek ini juga berpotensi melahirkan usahawan udang galah pada tahun 2020.

Penternakan

87. Kerajaan Negeri sememangnya prihatin terhadap sumber bekalan makanan bagi rakyat negeri Melaka. Pelbagai usaha sedang dan akan dilaksanakan bagi memastikan pengeluaran hasil ternakan adalah bersih, sihat dan selamat bagi faedah rakyat.

i) Sekuriti Makanan Negeri Melaka

88. Selari dengan hasrat Kerajaan untuk memberi penekanan kepada sekuriti makanan (*food security*) dan memajukan industri penternakan ruminan, program sedia ada bagi mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan dan zoonotik akan dimantapkan. Untuk itu, amalan sistem penternakan yang baik menggunakan teknologi moden seperti sistem reban tertutup, pemakaian efektif mikrob dalam penternakan dan pembiakan secara permanian beradas akan diteruskan sekali gus dapat meningkatkan produktiviti. Langkah ini akan dilaksana dengan mentransformasi penternak sedia ada yang berpotensi dan berdaya maju sebagai penternak komersil.

ii) Penternakan Ayam

89. Negeri Melaka telah berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai negeri pengeksport telur yang tertinggi, anak ayam dan daging ayam dengan pengeluaran telur ayam sebanyak **sembilan juta biji sehari**. Nilai pengeluaran bagi komoditi ayam sahaja dijangka mencecah **1.5 bilion ringgit (RM1.5 bilion)** pada tahun 2019.

iii) Penternakan Ruminan

90. Kerajaan Negeri menyediakan program-program berbentuk **bimbingan** dan **bantuan** kepada golongan penternak ruminan untuk dibangunkan sebagai usahawan ternak berskala sederhana dan komersil. Salah satu penternakan ruminan yang berpotensi besar ialah penternakan lembu tenusu. Kerajaan telah membelanjakan sejumlah **600 ribu ringgit (RM600,000)** untuk pembelian lembu tenusu daripada Australia dan berjaya meningkatkan pengeluaran susu daripada 2.5 juta liter kepada 3 juta liter setahun. Program ini juga telah mampu menjana pendapatan penternak berskala sederhana sehingga **empat ribu ringgit (RM4,000)** sebulan.

MENJAMIN TAHAP KESELAMATAN

i) Mengurangkan Indeks Jenayah

91. Keselamatan awam merupakan aspek penting dalam sesebuah negara bagi mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk masyarakat dan komuniti perniagaan. Dalam tempoh Januari hingga Oktober 2019, indeks jenayah jalanan telah menurun sebanyak 56.7 peratus iaitu 2,135 kes pada tahun 2019 berbanding 4,936 kes pada tempoh yang sama tahun 2018.

92. Kerajaan Negeri akan memperluaskan program Bandar Selamat terutama di laluan pejalan kaki dengan memasang penghadang jalan dan meningkatkan pencahayaan di kawasan gelap, memasang kanta cembung di persimpangan yang berisiko serta memperbanyakkan papan tanda peringatan jenayah, menempatkan alat pengunci roda motosikal dan membina bonggol, lintasan pejalan kaki dan meletakkan butang kecemasan di lokasi strategik.

93. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah memasang sebanyak 107 unit Kamera Litar Tertutup (CCTV) di lokasi tumpuan ramai. Bilangan CCTV akan ditambah sebanyak 50 unit pada tahun 2020 terutama di kawasan pusat bandar.

ii) **Memperluas Aktiviti Kesukarelawanan**

94. Aktiviti Kesukarelawanan penting untuk membentuk jati diri dan semangat cintakan tanahair dalam kalangan anak-anak muda. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah **35 juta ringgit (RM35 juta)** bagi menaik taraf bangunan Akademik Latihan RELA Sungai Udang Fasa 2 yang mampu meningkatkan kapasiti kepada 250 hingga 300 orang.

iii) Menambah Baik Kemudahan Bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

95. Kerajaan sentiasa menghargai pengorbanan dan perjuangan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri menyokong inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk membina bangunan Akademik di Institut Kesihatan Angkatan Tentera (INSAN), Kem Terendak, Melaka bernilai **26.0 juta ringgit (RM26 juta)** yang dijangka siap pada tahun 2021. Peranan utama INSAN adalah bagi menyediakan, memberi, melatih dan menghasilkan paramedik terlatih untuk memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

FOKUS BELANJAWAN 2020

96. Belanjawan 2020 selain daripada memberi fokus kepada usaha-usaha untuk menyantuni isu-isu rakyat, turut memberi fokus untuk membangunkan rumah besar ini dan mengembalikan kewibawaan Melaka ke arah negeri Pintar, Hijau, Bersih. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah merangka **10 strategi utama** bagi merealisasikan sasaran tersebut.

STRATEGI PERTAMA: MEMPERKUKUH FISKAL KEWANGAN NEGERI

Menambah Baik Aspek Pengurusan Kewangan Secara Berterusan

97. Syukur Alhamdulillah, hasil daripada pengurusan kewangan yang menitik beratkan integriti dan akauntabiliti selepas setahun Kerajaan baharu memerintah, laporan audit terkini menunjukkan perkembangan yang begitu positif. Kesemua tindakan positif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dibuktikan melalui Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 seperti berikut:

- i. Terdapat pengurangan amaun defisit bagi Akaun Hasil Disatukan berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak **8.95 juta ringgit (RM8.95 juta)**. Jumlah defisit Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2018 adalah sebanyak **13.86 juta ringgit (RM13.86 juta)** berbanding **22.81 juta ringgit (RM22.81 juta)** pada tahun 2017. Defisit terkumpul dalam Akaun Hasil Disatukan adalah sebanyak **91.38 juta ringgit (RM91.38 juta)**;
- ii. Jumlah terimaan sebenar Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 meningkat sebanyak 9.44 peratus atau **31.67 juta ringgit (RM31.67 juta)**, iaitu berjumlah **367 juta ringgit (RM367 juta)**

pada tahun 2018 berbanding **335.33 juta ringgit** (RM335.33 juta) pada tahun 2017; dan

- iii. Terdapat pengurangan perbelanjaan mengurus sebanyak **5.29 juta ringgit** (RM5.29 juta) atau 1.5 peratus pada tahun 2018 iaitu berjumlah **347.86 juta ringgit** (RM347.86 juta) berbanding **353.15 juta ringgit** (RM353.15 juta) pada tahun 2017.

Mengawal Defisit Akaun Pembangunan

98. Dengan langkah-langkah kawalan yang dilaksanakan ini, Kerajaan Negeri mampu memindahkan 33 juta ringgit (RM33 juta) daripada Akaun Hasil Disatukan kepada Akaun Kumpulan Wang Pembangunan bagi mengawal defisit dalam Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Jumlah defisit terkumpul dalam akaun ini sebanyak **531.32 juta ringgit** (RM531.32 juta) berbanding **529.30 juta ringgit** (RM529.30 juta) pada tahun 2017 iaitu peningkatan hanya sebanyak 0.38 peratus atau **2.02 juta ringgit** (RM2.02 juta). **Jumlah Defisit Akaun Pembangunan ini walaupun meningkat, ia menunjukkan trend yang lebih baik berbanding purata kenaikan Defisit Akaun Pembangunan sebanyak RM33.87 juta setahun untuk tempoh 2014-2018.** Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan pembangunan daripada **60 juta ringgit** (RM60 juta) kepada **65 juta ringgit** (RM65 juta) pada

tahun 2018. Secara tidak langsung, Kerajaan Negeri berjaya mengawal defisit terkumpul daripada terus meningkat tinggi.

Mengurangkan Hutang Awam Kepada Kerajaan Persekutuan

99. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah berjaya mengurangkan Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah **10 juta ringgit (RM10 juta)** daripada **822.14 juta ringgit (RM822.14 juta)** melalui permohonan hapus kira bagi projek Pembinaan Loji Air Lancang Fasa Kedua.

100. Selain daripada itu, sehingga Oktober 2019, Kerajaan Negeri telah berjaya membayar hutang kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah **9.70 juta ringgit (RM9.70 juta)** bagi projek Bekalan Air, PAKR, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan pelbagai.

101. Kerajaan Negeri juga sedang giat berusaha untuk mendapatkan pertimbangan Kementerian Kewangan berhubung langkah penyelesaian untuk mengurangkan jumlah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, antaranya: -

- i. Permohonan hapus kira pinjaman bayaran pampasan pengambilan balik tanah untuk projek pembinaan Tapak Kompleks Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Negeri Melaka berjumlah **19.0 juta ringgit (RM19 juta)**;

- ii. Permohonan pertimbangan pertukaran pinjaman kepada geran bagi membangunkan kemudahan SUKMA ke-13 pada tahun 2010 berjumlah **242.76 juta ringgit (RM242.76 juta)**;
- iii. Mengguna pakai kaedah penyelesaian hutang secara *NBOS Financial* iaitu menyerahkan aset Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan hutang sehingga satu tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak; dan
- iv. Menjadual dan menstruktur semula bayaran balik Hutang Awam agensi-agensi Negeri kepada Kerajaan Persekutuan;

Meningkatkan Bayaran Pendahuluan Kepada Kerajaan Persekutuan

102. Kerajaan Negeri telah berjaya mengurangkan baki pendahuluan sebanyak **37.7 juta ringgit (RM37.7 juta)** daripada **376.97 juta ringgit (RM376.97 juta)** pada tahun 2018 berbanding **414.67 juta ringgit (RM414.67 juta)** pada tahun 2017. Kerajaan Negeri akan terus komited menjelaskan pembayaran balik pendahuluan mengikut tempoh yang ditetapkan sehingga bayaran ke atas pendahuluan disasarkan selesai pada tahun 2027.

Mewujudkan Rizab Negeri

103. Kerajaan Negeri akan menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Simpanan Negeri Melaka dalam usaha memantapkan dan memperkukuh kedudukan rizab kewangan dan memastikan rizab atau wang simpanan negeri seiring dengan tahap pembangunan. Untuk itu, Kerajaan Negeri mensasarkan simpanan rizab sebanyak **satu bilion ringgit** (RM1 bilion) menjelang tahun 2025.

Memperkenalkan Inisiatif Baharu Bagi Meningkatkan Hasil

i) Melaksana Dasar Sumbangan Agensi dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC)

104. Mulai tahun 2020, Kerajaan Negeri akan melaksana dasar **pemberian sumbangan sebanyak dua peratus** daripada pendapatan kasar agensi dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) kepada Kerajaan Negeri. Dasar baharu ini diperkenal untuk meningkatkan hasil negeri dan digunakan untuk tujuan pembangunan sosio ekonomi demi kesejahteraan rakyat.

ii) Merasionalisasi Pengurusan Agensi Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Melaka

105. Kerajaan Negeri akan merasionalisasi semula peranan dan fungsi 13 buah Agensi, empat buah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG), 65 buah anak syarikat dan 15 buah Syarikat Bersekutu. Proses rasionalisasi ini akan memastikan tiada pertindihan fungsi dan peranan, memantapkan struktur sedia ada bagi mendapat faedah secara langsung hasil daripada kewujudan semua entiti tersebut.

106. Model perniagaan Agensi dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri juga akan ditambah baik bagi memastikan perniagaan yang diceburi selaras dengan **aktiviti ekonomi yang berdaya saing** dan **mempunyai nilai tambah yang tinggi**. Untuk itu, Agensi dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri adalah digalakkan untuk meneroka dan memperluas aktiviti perniagaan sedia ada di luar negeri Melaka.

STRATEGI KEDUA: MENGGALAKKAN PELABURAN

Senario Pelaburan

107. Sehingga suku tahun kedua, iaitu Jun 2019, jumlah keseluruhan pelaburan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah 6.24 bilion ringgit (RM6.24 bilion) iaitu melebihi

124.8 peratus daripada sasaran pelaburan sebanyak **lima bilion ringgit (RM5 bilion)**. Usaha mempromosi akan diteruskan dengan tumpuan kepada sektor elektronik dan automotif, produk halal serta tenaga diperbaharui, aeroangkasa, minyak dan gas serta farmaseutikal. Kejayaan ini adalah hasil usaha daripada semua pihak untuk memacu Melaka sebagai destinasi pelaburan yang kondusif.

i) Pelaburan Dalam Pelbagai Sektor

108. Daripada **6.24 bilion ringgit (RM6.24 bilion)** jumlah **pelaburan** yang telah diluluskan, sektor pembangunan hartanah, pelancongan dan logistik menyumbang **5.92 bilion ringgit (RM5.92 bilion)** atau **sebanyak 94.87%**. Manakala sektor pembuatan menyumbang **327.30 juta ringgit (RM327.30 juta)** atau **sekitar 5.13%**.

ii) Pelaburan Dalam Sektor Pembuatan

109. Nilai pelaburan sebanyak **327.30 juta ringgit (RM327.30 juta)** ini melibatkan 13 projek iaitu pelaburan tambahan sebanyak **227.67 juta ringgit (RM227.67 juta)** dan pelaburan baharu sebanyak **99.61 juta ringgit (RM99.61 juta)** dan berupaya menjana sehingga 2,352 peluang pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, pelaburan tempatan sebanyak **194 juta ringgit (RM194 juta)** dan pelaburan asing sebanyak **133.30 juta ringgit (RM133.30 juta)**. Pelaburan asing dicapai hasil minat mendalam

yang ditunjukkan oleh pelabur-pelabur dari negara Switzerland dan China.

Memperkukuh Inisiatif Pelaburan

110. Dalam usaha menjadikan Melaka sebagai destinasi pelaburan utama di negara ini, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan langkah-langkah seperti berikut:

i) Memudahcara Proses Pelaburan

111. Bagi mudah serta mengurangkan karenah birokrasi, tiga (3) inisiatif utama telah dan akan dilaksana iaitu:

- i. Mewujudkan dua (2) buah **jawatankuasa pemudah cara** iaitu Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Teknikal bagi mempercepatkan kelulusan dan pelaksanaan sesuatu projek;
- ii. Melaksanakan **Pusat Khidmat Setempat** bagi memendekkan tempoh permohonan kelulusan; dan
- iii. Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kawasan Perindustrian atau ***Industrial Park Management Committee*** bagi memelihara kelestarian kawasan industri di negeri Melaka.

ii) **Menubuhkan Pihak Berkuasa Zon Industri**

112. Kerajaan Negeri akan menubuhkan Pihak Berkuasa Zon bagi Zon Perindustrian Bebas (ZPB) Batu Berendam Fasa I, Fasa II, Fasa III dan Tanjung Kling, Melaka. Pihak Berkuasa ini berfungsi untuk mentadbir, menyelenggara dan mengendali Zon Perindustrian Bebas (ZPB). Untuk itu, Pihak Berkuasa Zon akan mengenakan caj yang dapat digunakan untuk menambah baik serta menaik taraf kawasan Zon Perindustrian Bebas (ZPB). Inisiatif ini akan memastikan semua perkara berkaitan urusan tadbir yang merangkumi aspek keselamatan dan pengendalian zon tersebut dipusatkan.

iii) **Menyediakan Tenaga Kerja Terlatih Dalam Bidang TVET**

113. Kerajaan Negeri juga berusaha meningkatkan tahap pendapatan dan kualiti hidup isi rumah berpendapatan rendah melalui pelbagai program pendidikan dan latihan serta keusahawanan. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan sejumlah **12.47 juta ringgit (RM12.47 juta)** bagi tempoh 2016 sehingga 2019 melalui program peningkatan kapasiti dan kapabiliti kumpulan khusus. Program ini telah memberi manfaat kepada 1,117 pelatih yang terdiri daripada golongan B40.

114. Institusi latihan yang terlibat menjayakan program ini adalah Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka, Akademi Laut Malaysia, Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian PLP *Skills* dan *Despark Auto* Sdn Bhd. Kursus yang ditawarkan adalah pada peringkat sijil kemahiran dan peserta diberi elaun sara hidup berjumlah **400 ringgit (RM400.00) sebulan** manakala yuran penggajian ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

STRATEGI KETIGA: MERANCAK SEKTOR PELANCONGAN

Prestasi Tahun Melawat Melaka 2019

115. Tahun **2019** merupakan **Tahun Melawat Melaka** bertemakan ***Melaka The Gateway To Historic Malaysia***. Sehingga Jun 2019, seramai **9.04 juta (9,048,028 orang)** pelancong telah melawat Melaka berbanding tempoh yang sama tahun 2018 iaitu **8.75 juta (8,750,035 orang)** pelancong iaitu peningkatan sebanyak **297,993 orang** atau **3.41 peratus**.

116. Lima buah negara yang merupakan pasaran **pelancong asing** terbesar ialah **China, 1.14 juta orang (1,143,935 orang** atau **40.93 peratus)**, diikuti **Singapura, 517,623 orang** atau **18.52 peratus**, **Indonesia, 250,316 orang** atau **8.96 peratus**, **Taiwan, 116,788 orang** atau **4.18 peratus** dan **Hong Kong, 103,807 orang** atau **3.71 peratus**.

117. Dari segi pecahan **pelancong domestik**, **Selangor** mendahului dengan mencatatkan kedatangan seramai **832,502 orang** atau **13.31 peratus**, diikuti **Kuala Lumpur** seramai **669,320 orang** atau **10.7 peratus** dan **Johor** seramai **659,721 orang** atau **10.55 peratus**.

118. Kerajaan Negeri berkeyakinan bahawa menjelang akhir 2019, sasaran kehadiran 20 juta pelancong dengan tempoh menginap sekurang-kurangnya **tiga malam** boleh dicapai.

Pengiktirafan Melaka Di Peringkat Antarabangsa

119. Tahun 2019 merupakan tahun cemerlang sektor pelancongan di negeri Melaka apabila menerima beberapa pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Tiga (3) anugerah utama tersebut ialah:-

- i. **Destinasi 10 Pelancongan Terbaik Dunia 2019** atau (dengan izin) ***Top 10 International Best Tourist Destination 2019*** bersempena dengan karnival ***The Global Tourism Destination*** di Sichuan, China;
- ii. **Dondang Sayang** sebagai **warisan kebudayaan tidak ketara** (dengan izin) (***intangible cultural heritage***) oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO); dan

- iii. **Briged Seni Melaka** memenangi *The Outstanding Performance Prize* dan *Best of Show Creativity Award* (dengan izin) sempena **China (Guangdong) International Tourism Industry Expo (CITIE) 2018 dan 2019** sekali gus telah menaikkan nama Melaka di persada dunia.

Pemantapan Promosi Pelancongan

120. Bagi menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Melaka dan memanjangkan tempoh bermalam, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan 3 kaedah berikut: -

- i. Menawarkan **Pakej Pelancongan Negeri Melaka** yang lebih kompetitif sekurang-kurangnya **4 Hari 3 Malam** dengan mempromosikan keseluruhan produk pelancongan Negeri Melaka;
- ii. Menawarkan **Kupon Diskaun** dengan tawaran sekurang-kurangnya 20 peratus di 28 lokasi tarikan pelancong; dan
- iii. **Melaka Tourist Passport** bagi menggalakkan pelancong mendapatkan cop di 28 lokasi pelancongan utama di Melaka dan pelancong akan diberikan saguhati berbentuk baucer penginapan dengan kerjasama Persatuan Hotel-hotel Melaka.

Menaik Taraf Produk Sedia Ada dan Memperkenalkan Produk Pelancongan Baharu

121. Bagi memastikan produk pelancongan sedia ada kekal menarik dan akan terus menjadi tarikan, Kerajaan Negeri telah memulakan kerja-kerja menaik taraf produk pelancongan iaitu:

- i. Membaik pulih *boardwalk* Jalan Merdeka, Melaka berjumlah **800 ribu ringgit (RM800,000)**;
- ii. Pembersihan dan pengindahan Tapak Warisan di Alor Gajah dan Jasin berjumlah **73 ribu ringgit (RM73,000)**; dan
- iii. Membaik pulih Makam Hang Tuah di Tanjung Kling berjumlah **39 ribu ringgit (RM39,000)**.

122. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah berjaya membaik pulih dan menjenamakan semula beberapa produk pelancongan sedia ada yang berada dalam keadaan tidak memuaskan. Antaranya:

- i. Zoo Melaka telah membawa masuk seekor Harimau Putih Bengal baka India yang diberi nama 'Elsa'. Ikon baharu ini dijangka menarik lebih ramai pengunjung; dan

- ii. Penjenamaan semula Panggung Bangsawan dengan mengadakan persembahan teater muzikal harian iaitu Rasa Melaka.

123. Kerajaan Negeri juga berusaha **memperkenalkan produk-produk baharu** seperti berikut: -

- i. Pembukaan rangkaian gerai berkonsepkan *street food* makanan tempatan di Kampung Hulu;
- ii. Pembukaan beberapa rangkaian hotel terkemuka seperti Hotel Double Tree by Hilton, Hotel Ames dan Hotel Metra Square;
- iii. Melaka *After Dark Night Walk* di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO dan Kampung Morten;
- iv. Melaka *Beautiful Street Art Murals* di kawasan sepanjang Sungai Melaka, Kampung Hulu, *Jonker Street* dan bandar Alor Gajah; dan
- v. Galeri Durian Bang di Taman Limbongan Jaya yang menyediakan kemudahan kepada pelancong menikmati durian pelbagai perisa sepanjang tahun yang pertama di Malaysia.

124. Usaha **menaik taraf produk pelancongan sedia ada** akan diteruskan pada tahun 2020 seperti berikut: -

- i. Menaik taraf Muzium Samudera Fasa 1 di Jalan Quayside berjumlah **2.2 juta ringgit (RM2.2 juta)**;
- ii. Menaik taraf Kompleks Perkampungan Hang Tuah, Duyung, berjumlah **500 ribu ringgit (RM500,000)**;
- iii. Meningkatkan keceriaan jambatan-jambatan di sepanjang Sungai Melaka berjumlah **231 ribu ringgit (RM231,000)**;
- iv. Membaik pulih dan mengecat Galeri Golf berjumlah **100 ribu ringgit (RM100,000)**; dan
- v. Menaik taraf Dataran Sejarah Ayer Keroh berjumlah **500 ribu ringgit (RM500,000)**;

125. Untuk tahun 2020, beberapa lagi **produk pelancongan baharu akan diperkenalkan iaitu:** -

- i. Pembangunan semula Planetarium Melaka sebagai pusat pelancongan setempat yang menempatkan aktiviti seperti galeri, pusat interaktif kanak-kanak dan restoran;

- ii. Penghasilan produk-produk cenderamata dan makanan di bawah jenama *Royale Melaka*;
- iii. Cenderamata khas ikon negeri Melaka iaitu kancil yang diberi nama Tuah dan Teja dalam bentuk mug, kemeja, payung, topi dan seumpamanya;
- iv. Memperkenalkan kad debit Melaka eXcess bagi tujuan berbelanja tanpa menggunakan wang tunai;
- v. Kios perniagaan berkonsep *Relax & Chill* di perkarangan Menara Taming Sari; dan
- vi. Cadangan pembinaan Akademi Kemahiran Hospitaliti berkonsepkan hotel butik melalui penjenamaan semula Hotel Lisbon di Perkampungan Portugis Ujong Pasir.

Tahun Melawat Malaysia 2020

126. Kerajaan Negeri Melaka sentiasa peka dan menyokong dasar-dasar pelancongan yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, usaha keras terus dipergiat bagi menjayakan penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2020 yang bertemakan ***Visit Truly Asia Malaysia 2020***. Kerajaan Negeri merancang pelbagai acara dan program pelancongan sepanjang tahun 2020 seperti berikut:-

- i. Sambutan Tahun Baharu Cina pada Februari 2020;
- ii. *Raptor Watch* pada 6 hingga 8 Mac 2020;
- iii. Melaka *International Air Carnival* pada 27 hingga 29 Mac 2020;
- iv. Temasya Budaya Negeri pada 10 hingga 12 April 2020;
- v. *Melaka Arts & Cultural Festival* sempena Sambutan Melaka Bandaraya Bersejarah pada 15 April 2020;
- vi. Fiesta San Pedro pada 26 hingga 28 Jun 2020;
- vii. Sambutan Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2020;
- viii. Pesta Durian dan Buah-Buahan pada 24 hingga 26 Julai 2020;
- ix. *Melaka International Food Fiesta* pada 15 hingga 16 Ogos 2020;
- x. *Melaka Nature Fiesta 2020* pada 25 hingga 27 September 2020;

- xi. *Melaka Beach & Watersport Festival 2020* pada 23 hingga 25 Oktober 2020;
- xii. *The Grand Cultural Festival Melaka River 2020*: 21 November hingga 1 Disember 2020; dan
- xiii. *Fiesta Melaka* pada 30 hingga 31 Disember 2020.

STRATEGI KEEMPAT: MEMPERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

127. Reputasi sesebuah Kerajaan Negeri turut dipengaruhi oleh tahap pengurusan dan penyampaian perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada rakyat. Kecekapan dan keberkesanan pengurusan setiap PBT mempunyai impak ke atas kualiti hidup rakyat khusus dalam aspek penyediaan kemudahan infrastruktur, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Pencapaian dan Pengiktirafan Pihak Berkuasa Tempatan

128. Tahun 2019, keempat-keempat PBT telah mencatat rekod cemerlang dan menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya:

Peringkat Antarabangsa

- i. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) memenangi Anugerah *Commonwealth Secretary-General's Innovation For Sustainable Development Awards* pada 14 Jun 2019; dan
- ii. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menerima sijil penghargaan *ASEAN Clean Tourist City Standard* pada 25 Januari 2019.

Peringkat Kebangsaan

- i. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) turut memenangi *Gold Award* dalam kategori *National Security* anjuran Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada Mei 2019;
- ii. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah mendapat *Silver Award* dan *Bronze Award* di *Professional Trade Exhibitions & Meeting Planners* pada 22 Februari 2019;
- iii. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) memenangi Anugerah *ASEAN Public Toilet Standard 2019-2021* anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia;

- iv. Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) mendapat Anugerah Emas dalam Konvensyen *Team Excellence* anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia pada Julai 2019; dan
- v. Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) mendapat penarafan 5 Bintang bagi Sistem Penarafan Bintang PBT oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2019.

Memoden dan Menambah baik Sistem Pembersihan serta Keceriaan Pihak Berkuasa Tempatan

i) Peralatan dan Jentera Moden

129. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memoden dan menambah baik sistem pembersihan serta keceriaan PBT. Usaha ini melibatkan inisiatif penggunaan peralatan terkini serta mengurangkan penggunaan buruh asing bagi kerja-kerja pembersihan. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **1.4 juta ringgit** (RM1.4 juta) kepada semua PBT untuk pembelian peralatan dan jentera moden seperti jentera penyedut dan pengisar dahan pokok, jentera pemotong rumput, mesin *blower*, jentera penyedut dan pengisar sampah, lori *Roll On-Roll Off (RORO)* serta alat-alat keselamatan.

ii) Menghayati Kempen '#IniRumahKita'

130. Pada 8 Ogos 2019, Kerajaan Negeri telah melancarkan kempen '#IniRumahKita' bagi memupuk kesedaran dan pembudayaan amalan kebersihan dalam kalangan masyarakat. Kempen ini pada asasnya menyeru warga Melaka menghargai persekitaran di sekeliling mereka seperti rumah sendiri. Apabila ini direalisasikan, bukan sahaja masyarakat dapat hidup lebih baik dan selesa, malah penyakit juga dapat dihindarkan.

iii) Inisiatif Penghijauan Bandar

131. Inisiatif menghijaukan bandar di semua PBT dipergiat menerusi kempen menanam pokok di seluruh negeri. Pihak Berkuasa Tempatan telah mengadakan Kempen Penanaman Pokok Utama dan Pokok Palma sebanyak 5,000 pokok setahun sempena sambutan Hari Landskap Negara dengan sasaran sebanyak 20 juta pokok mulai tahun 1997 hingga 2020.

132. Sehingga Oktober 2019, Kerajaan Negeri telah menanam sejumlah 29,376 batang pokok yang terdiri daripada spesies merawan siput jantan, meranti tembaga dan bakau. Sejumlah **dua juta ringgit (RM2 juta)** telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek penanaman pokok hutan yang dikenali sebagai *Urban Reforestation & Riparian* bagi manfaat kepada kualiti alam, memulihara biodiversiti dan rangkaian ekologi serta

memperbaiki kualiti air di sepanjang jajaran kawasan Sungai Putat.

133. Semua PBT dengan kerjasama pihak swasta akan memulakan program pengindahan pintu masuk di bawah pentadbiran masing-masing bagi meningkatkan keceriaan dan mewujudkan ikon yang bersesuaian dengan aktiviti sosio-ekonomi setempat. Kos bagi pengindahan ini akan ditanggung secara konsep kerjasama kerajaan dan swasta.

iv) Cadangan Pembinaan Loji Rawatan Sisa Pepejal *Waste To Energy (WTE)*

134. Kerajaan Negeri juga sedang mengusahakan Pembinaan Loji Rawatan Waste To Energy atau singkatannya *WTE* untuk dijadikan tapak pelupusan baharu memandangkan jangka hayat Tapak Pelupusan Sanitari Sisa Pepejal Sungai Udang (TPS Sungai Udang) yang semakin berkurangan. Untuk tujuan tersebut, satu dokumen *Request For Proposal (RFP)* bagi Cadangan Mereka Bentuk, Membina, Mengendali dan Menyelenggara Fasiliti Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu Berkonsepkan *WTE* sedang disediakan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pembinaan *WTE* tersebut akan bermula pada tahun 2020 dan dijangka siap pada tahun 2023.

v) **Cadangan Pembangunan Landskap Di *Krubong Ecopark***

135. Kerajaan Negeri bercadang membangunkan semula tapak pelupusan sampah Krubong yang ditutup pada tahun 2015 dengan keluasan 58 ekar sebagai Krubong Ecopark Melaka dengan anggaran kos sebanyak **15 juta ringgit (RM15 juta)**. Cadangan ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk dilaksana dalam tempoh RMK-12.

Merangsang Aktiviti Sosio Ekonomi Tempatan

136. Kerajaan Negeri akan terus berusaha memperkasa ekonomi penduduk tempatan terutama golongan B40 dan M40 dengan memberi peluang kepada mereka melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan. Untuk tujuan ini, sejumlah **satu juta ringgit (RM1 juta)** telah diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf pusat perniagaan seperti Pusat Penjaja Taman Paya Rumput Perdana, Gerai Perniagaan Kampung Tanah Merah, Medan Selera Batu Berendam dan Medan Selera Ayer Keroh. Pada masa yang sama, peruntukan sejumlah **614 ribu ringgit (RM614,000)** disediakan bagi menaik taraf pasar di Masjid Tanah dan Pulau Sebang bagi memastikan keselesaan peniaga dan pengunjung.

STRATEGI KELIMA: MENINGKATKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Menaik Taraf Kemudahan Lapangan Terbang

137. Kerajaan Negeri sedar dalam usaha merencanakan pembangunan, inisiatif bagi meningkatkan kesalinghubungan perlu diberi perhatian serius. Untuk tujuan ini, langkah berterusan diambil bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM). Untuk itu, Kerajaan Negeri akan memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur di LTAM bagi menarik lebih banyak syarikat penerbangan antarabangsa beroperasi di Melaka.

138. Pada tahun 2019, sejumlah **1.5 juta ringgit (RM1.5 juta)** telah dibelanjakan oleh Malaysia Airport Berhad manakala untuk tahun 2020, sebanyak **3.3 juta ringgit (RM3.3 juta)** telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk kerja-kerja menaik taraf kemudahan keselamatan dan meningkatkan keceriaan bangunan. Kerajaan Negeri juga terus berusaha memperbanyakkan aktiviti komersil di dalam bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) menerusi proses penjenamaan semula termasuk penambahan bilangan lot-lot perniagaan. Sejumlah **350 ribu ringgit (RM350,000)** diperuntukkan untuk tujuan ini.

139. Aktiviti pemasaran dan promosi juga dipergiat bagi memastikan syarikat penerbangan sedia ada iaitu Malindo Air dan Air Asia terus kekal dan menambah laluan penerbangan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM). Sehingga 2019, sejumlah **1.5 juta ringgit** (RM1.5 juta) telah dibelanjakan untuk aktiviti pemasaran dan promosi.

140. Usaha keras yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosi Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) telah memperoleh kejayaan apabila syarikat penerbangan terkemuka Malindo Air membuka laluan baharu ke Kota Bahru dan Pulau Langkawi pada 1 Mac 2019. Manakala, Air Asia telah memulakan operasi penerbangan dua hala Melaka-Pulau Pinang mulai 1 Julai 2019. Syarikat penerbangan Air Asia juga, sedang mengkaji dan menilai laluan-laluan yang bersesuaian untuk dilaksanakan dalam waktu terdekat. Beberapa laluan baharu juga sedang diusahakan seperti penerbangan terus Melaka-Jakarta dan Melaka-Surabaya serta Melaka ke beberapa buah wilayah di Negara China. Sehingga September 2019, sekitar **133,612** penumpang telah menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) berbanding dengan **51,232** penumpang pada tahun 2018.

Membangunkan Pelabuhan dan Terminal

141. Perairan Selat Melaka merupakan laluan penting dua hala antara benua Asia dan Eropah. Purata setiap tahun sebanyak 100,000 buah kapal berlayar atau melalui selat ini. Aktiviti pelabuhan dan terminal merupakan sektor ekonomi yang mampu melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri yang selama ini bergantung kepada sektor pelancongan. Menyedari hakikat keperluan mempelbagaikan aktiviti ekonomi, Kerajaan Negeri komited menjayakan usaha pembangunan pelabuhan-pelabuhan di negeri Melaka dengan setiap satu mempunyai komponen tersendiri.

i) ***Melaka International Cruise Terminal (MICT)***

142. Dalam meningkatkan kehadiran pelancong, **Melaka International Cruise Terminal** atau **MICT** akan mula dibina pada tahun 2020. Projek ini telah dikenalpasti sebagai salah satu projek nasional yang terdiri daripada Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) serta jeti kapal persiaran. Apabila siap kelak, terminal ini dijangka mampu menerima kapal persiaran terbesar di dunia. Terminal ini dijangka akan digunakan untuk kapal persiaran antarabangsa, domestik dan juga feri.

ii) Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP)

143. Pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) telah menunjukkan prestasi yang positif apabila Kerajaan Negeri telah berjaya memuktamadkan perjanjian persefahaman berkaitan persempadanan darat pada 2 Julai 2019 dan persempadanan maritim pada 15 Oktober 2019 antara Melaka dan Negeri Sembilan. Untuk itu, kemudahan di Pelabuhan Kuala Sungai Linggi akan dinaik taraf agar menjadi *preferred hub* kepada komuniti maritim, domestik dan antarabangsa di dalam industri minyak dan gas sebagai hub melaksana aktiviti perdagangan mereka. Pembangunan infrastruktur dan menaik taraf fasiliti pelabuhan ini akan melibatkan komponen *tank farm*, *ship repair yard*, *fabrication yard* dan perkhidmatan pelabuhan dan maritim yang lain. Projek ini apabila siap kelak dijangka akan mewujudkan 6,000 peluang pekerjaan bukan sahaja dalam sektor industri vokasional dan pengurusan, malahan akan mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor hiliran berkaitan.

iii) Pelabuhan Tanjung Bruas

144. Pelabuhan Tanjung Bruas pula telah mencatatkan peningkatan dari segi *tonnage of cargo* iaitu daripada 644,719 pada tahun 2016 kepada 715,911 pada tahun 2019. Jumlah kapal yang menggunakan kemudahan pelabuhan ini juga meningkat daripada 408 pada tahun 2016 kepada 762 pada tahun 2019. Peningkatan ini adalah hasil daripada inisiatif

penambahbaikan perkhidmatan serta pembesaran pelabuhan tersebut.

145. Pelabuhan ini juga pada April 2019 telah mula mengendalikan kontena untuk tujuan import dan eksport. Sehingga kini, sejumlah 5,039 TEU kontena telah dikendalikan dan kadar ini dijangka meningkat kepada 10,000 ke 15,000 TEU pada Disember 2019. Di samping itu, kemudahan *Roll on-Roll Off* (RORO) juga akan mula beroperasi mulai tahun 2020 bagi membolehkan perdagangan dua hala Melaka-Indonesia.

iv) Pembangunan Taman Industri Maritim Melaka (*Melaka Maritime Industrial Park*) (*MMIP*)

146. Menyedari kedudukan Negeri Melaka yang berada di lokasi laluan maritim yang paling sibuk di dunia, hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai Negeri Pelabuhan wajar dimantapkan dengan pembangunan Taman Industri Maritim Melaka. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dengan kerjasama pihak swasta komited membangunkan *MMIP* ini di kawasan tambak laut seluas 750 ekar di Perairan Permatang Pasir sehingga ke Teluk Mas, Daerah Melaka Tengah. *MMIP* akan menjadi pusat untuk aktiviti berasaskan perkhidmatan dan teknologi perkapalan, penyimpanan, kontena, minyak dan gas. Pembangunan *MMIP* ini juga bakal memberi peluang kepada pembangunan industri-industri hiliran yang akan menyokong aktiviti industri utama.

Kerajaan Negeri percaya, dengan pembangunan *MMIP* ini akan memberi impak positif kepada ekonomi Negeri Melaka dan seterusnya menjadi pelengkap kepada pembangunan pelabuhan-pelabuhan yang ada di Negeri Melaka.

v) Pembangunan *Melaka Port City*

147. Selain daripada itu, bagi menyokong pembangunan Pelabuhan Tanjung Bruas, projek bandar pelabuhan Melaka atau dikenali sebagai *Melaka Port City* akan dibangunkan menerusi penambakan laut seluas 1,500 ekar. Pembangunan ini merangkumi aktiviti pelabuhan laut dalam, logistik, kargo pukal, *pecah pukal*, pergudangan dan penyimpanan.

Memperbaiki Sistem Jaringan Jalan Raya

148. Bagi meningkatkan kelancaran aliran trafik dan memberi keselesaan kepada rakyat khususnya penduduk Melaka, beberapa jalan telah dan akan dinaik taraf menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Projek Sedang Dilaksanakan

149. Di samping itu, terdapat beberapa lagi projek dengan nilai keseluruhan berjumlah **55.96 juta ringgit (RM55.96 juta)** dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada akhir tahun 2020 seperti berikut:

- i. Membina jalan baharu dari Hutan Percha ke Pekan Tebong (M13), Alor Gajah berjumlah **29.3 juta ringgit (RM29.3 juta)**;
- ii. Membina jalan Kampung Paya Redan Melaka Tengah berjumlah **21.0 juta ringgit (RM21 juta)**;
- iii. Menaik taraf jalan 2 lorong kepada 4 lorong dari persimpangan Bachang ke persimpangan Batu Berendam Laluan M2 Daerah Melaka Tengah berjumlah **4.16 juta ringgit (RM4.16 juta)**;
- iv. Menaik taraf dan pembesaran jalan di dua persimpangan Bemban, daerah Jasin berjumlah **0.5 juta ringgit (RM500,000)**; dan
- v. Membina jalan pintas baharu dari persimpangan jalan Alor Gajah lama ke Taman Murai Jaya di Pekan Durian Tunggal berjumlah **satu juta ringgit (RM1 juta)**.

Permohonan Projek Baharu

150. Kerajaan Negeri telah memohon projek-projek baharu untuk *Rolling Plan* Keempat (RP4) bagi tahun 2020 kepada Kerajaan

Persekutuan. Di antara projek utama yang telah dipohon adalah seperti berikut:

- i. Menaik taraf dan membina jalan baharu 4 lorong termasuk lebuhraya berjambatan Persisiran Pantai dari Kuala Linggi - Masjid Tanah - Tanjung Keling - Klebang - Limbongan - Hatten City - Padang Temu - Semabok berjumlah **860 juta ringgit (RM860 juta)**;
- ii. Membina jalan baharu dan menaik taraf jalan dari Persimpangan Taman Perindustrian Bukit Rambai, Lebuhraya SPA (FT33) ke Pelabuhan Tanjung Bruas, daerah Melaka Tengah Melaka berjumlah **330 juta ringgit (RM330 juta)**;
- iii. Membina Jalan 2 Lorong Sempadan Melaka, Bandar Jasin – Sempadan Johor, daerah Tangkak berjumlah **152 juta ringgit (RM152 juta)**;
- iv. Membina jalan tuju dari tol Lipat Kajang ke Kampung Batu Lang, daerah Jasin berjumlah **84 juta ringgit (RM84 juta)**;
- v. Membina jalan baharu Pekan Rembia – Kampung Panchor Durian Tunggal, daerah Alor Gajah berjumlah **76 juta ringgit (RM76 juta)**;

- vi. Membina jalan baharu dari Simpang Jalan Serkam – Bemban ke Simpang Jalan Kandang di Kampung Bukit Kajang, daerah Jasin berjumlah **52 juta ringgit (RM52 juta)**;
- vii. Membina jalan baharu dari Persimpangan Rim ke Persimpangan Kampung Ulu Jasin, daerah Jasin berjumlah **49 juta ringgit (RM49 juta)**; dan
- viii. Membina jalan baharu dari Kampung Tiang Dua Tambak Paya ke Kampung Paya Nibong, Lebu AMJ, daerah Melaka Tengah berjumlah **36 juta ringgit (RM36 juta)**.

151. Kerajaan Negeri juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memberi kelulusan ke atas pindaan Garis Panduan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) di mana peruntukan MARRIS dibenarkan untuk kerja-kerja menaik taraf jalan, jambatan, parit, longkang dan cerun sehingga 15 peratus atau **20 juta ringgit (RM20 juta)** yang mana lebih rendah. Perkara ini banyak membantu terutamanya meringankan beban kewangan Kerajaan Negeri.

Meningkatkan Tahap Keselamatan Jalan Raya

152. Bagi meningkatkan **tahap keselamatan jalan raya**, Kerajaan Negeri telah membina jejantas pejalan kaki, lampu

isyarat lintasan pejalan kaki dan memasang lampu jalan di kawasan kerap berlaku kemalangan. Antara projek yang sedang dan akan siap tahun 2020 adalah seperti berikut:-

- i. Membina jejantas pejalan kaki di Lebuhraya AMJ (Kampung Jambatan Duyong atau Kampung Ladang) sejumlah **2.3 juta ringgit (RM2.3 juta)**;
- ii. Membina jejantas Jalan Melaka - Kendong (Sekolah Tinggi Cina atau Sekolah Bachang) sejumlah **2.22 juta ringgit (RM2.22 juta)**;
- iii. Membina Jejantas Pejalan kaki di Lebuhraya AMJ (Sekolah Agama Balai Panjang), Melaka berjumlah **3.2 juta ringgit (RM3.2 juta)**;
- iv. Pemasangan lampu jalan dari Taman Bukit Katil Damai sehingga persimpangan Tehel sejumlah **satu juta ringgit (RM1 juta)**; dan
- v. Lintasan pejalan kaki menggunakan *push button* di hadapan Sekolah Rendah Durian Tunggal, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota dan Sekolah Menengah Kebangsaan Klebang Besar sejumlah **0.6 juta ringgit (RM600,000)**.

STRATEGI KEENAM: MEMPERKASA SEKTOR KESIHATAN

153. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan kesihatan rakyat akan terus terpelihara dan perkhidmatan kesihatan yang diberikan memenuhi keperluan rakyat dan berkualiti.

Menerapkan Gaya Hidup Sihat Dalam Kalangan Masyarakat

154. Pada tahun 2019, Kementerian Kesihatan menganggarkan bilangan penduduk negeri Melaka yang menghidap penyakit diabetes adalah seramai 80,000 orang, penyakit tekanan darah tinggi seramai 37,000 orang dan penduduk obes seramai 16,000 orang.

155. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri telah mempergiatkan usaha untuk menyaring komuniti bagi mengenalpasti risiko penyakit tidak berjangkit (NCD). Kerajaan telah memperkenalkan Program Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN). Melalui program ini, warga Melaka yang menghidap NCD seperti tekanan darah tinggi, diabetes dan obesiti boleh dikenalpasti. Sehingga tahun 2019, sejumlah 113,189 orang telah melalui proses saringan ini dan 33,452 atau 30 peratus orang telah didapati mengidap NCD. Selain daripada itu, individu tertentu dari kalangan komuniti juga dilatih untuk membuat saringan sendiri

dan melaksanakan program aktiviti fizikal khas di peringkat komuniti.

156. Trend peningkatan NCD ini amat membimbangkan, dengan itu Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah program Melaka Sihat. Antaranya seperti berikut: -

- i. Expo Melaka Sihat;
- ii. Cabaran Melaka Sihat;
- iii. *I Fit And Eat Right* (IFITER);
- iv. Program Pusat Promosi Kesihatan Komuniti;
- v. Program Pemakanan Sihat;
- vi. Program Promosi Kesihatan Di Institusi Pendidikan; dan
- vii. Mempromosi Aplikasi *Bookdoc*

Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Kesihatan

157. Negeri Melaka merupakan negeri perintis yang menyediakan perkhidmatan hospital kluster. Menerusi inisiatif ini, Hospital Besar Melaka merupakan *lead hospital* manakala Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah merupakan *non lead hospital*. Sebanyak 16 jenis kepakaran disediakan di hospital kluster ini yang melibatkan empat kepakaran berintegrasi di mana pakar ditempatkan di hospital daerah. Manakala, 12 kepakaran berkoordinasi yang mana pakar dari Hospital Melaka melawat kedua-dua hospital tersebut. Ini secara tidak langsung

mengurangkan masa menunggu, waktu perjalanan pesakit dan mewujudkan perkhidmatan berpaksikan pesakit.

158. Mulai 25 Februari 2019, perkhidmatan Hemodialisis juga telah disediakan di Pusat Rawatan Komuniti, Cheng. Sehingga kini seramai 20 orang pesakit telah mendapat manfaat daripada pusat ini. Selain itu, Pusat Kesihatan Mental Komuniti di perkarangan Klinik Kesihatan Cheng juga telah mula beroperasi dan memberi manfaat kepada golongan yang memerlukan khidmat nasihat berkaitan.

159. Bagi mengurangkan bebanan keluarga yang menjaga pesakit di Hospital Besar Melaka, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka menerusi kerjasama awam dan swasta telah mengubahsuai satu bangunan sedia ada untuk memberi kemudahan kepada keluarga pesakit bermalam dengan selesa. Kemudahan yang dikenali sebagai Anjung Kasih ini mampu menempatkan 60 katil dan dijangka siap pada penghujung 2019.

160. Negeri Melaka merupakan negeri perintis kepada perkhidmatan *Melaka Bicycle Emergency Response Team* (MELBERT) yang merupakan pasukan responder pertama ke lokasi kecemasan atau kemalangan. Bagi mempertingkatkan perkhidmatan yang disediakan, Kerajaan Negeri telah menyumbang dua buah motosikal elektrik. Pasukan ini mampu bergerak dengan lebih pantas ke kawasan yang mengalami

kesesakan lalu lintas dan kawasan yang sukar dilalui oleh ambulan.

Memperbaiki Akses Kepada Kemudahan Kesihatan

161. Usaha menaik taraf dan membina fasiliti kesihatan yang baharu untuk meningkatkan akses penduduk terhadap perkhidmatan kesihatan telah dan akan diteruskan. Antara projek pembangunan yang telah siap dilaksanakan pada tahun ini adalah seperti berikut: -

- i. Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) beserta kuarters di Rembia, Alor Gajah dengan kos projek berjumlah **22.0 juta ringgit (RM22 juta)** ; dan
- ii. Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan kuarters Ayer Molek, Melaka dengan kos berjumlah **20 juta ringgit (RM20 juta)**.

162. Pada masa ini, Klinik Kesihatan (Jenis 2) di Batu Berendam, daerah Melaka Tengah masih dalam fasa pembinaan dan dijangka siap pada bulan Mac 2020 dengan kos sebanyak **26.6 juta ringgit (RM26.6 juta)**.

163. Untuk tahun 2020, beberapa projek akan dilaksanakan iaitu:

- i. Naik taraf Unit Perkhidmatan Darah dan Transfusi Perubatan, Hospital Besar Melaka yang dianggarkan sejumlah **5.5 juta ringgit** (RM5.5 juta) dan dijangka mula dilaksanakan pada Jun 2020;
- ii. Naik taraf Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Jabatan Pergigian Pediatrik Hospital Besar Melaka yang dianggarkan sejumlah **15.9 juta ringgit** (RM15.9 juta) dan dijangka mula dilaksanakan pada Jun 2020; dan
- iii. Naik taraf Bekalan Elektrik di Hospital Besar Melaka yang dianggarkan sejumlah **29.8 juta ringgit** (RM29.8) dan dijangka dilaksanakan bermula Februari 2020.

164. Untuk jangka panjang, Kerajaan Persekutuan telah menyatakan komitmen untuk mempertimbangkan pembangunan sebuah Hospital Ibu dan Anak yang bernilai **500 juta ringgit** (RM500 juta) dengan kapasiti 440 buah katil bagi mengurangkan kesesakan antara 35 hingga 40 peratus di Wad Pediatrik serta Obstetrik dan Ginekologi di Hospital Besar Melaka.

Memperkenalkan Kad Peduli Kesihatan Negeri Melaka

165. Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan Skim Perlindungan Kesihatan Takaful (MySalam) kepada individu yang

menghidapi penyakit kritikal atau dimasukkan ke hospital. Di samping itu, Skim Peduli Kesihatan (PeKa B40) telah dilancarkan untuk menyediakan pemeriksaan dan intervensi awal bagi mengesan penyakit tidak berjangkit seperti kesihatan mental dan kanser untuk mereka yang berumur 40 tahun dan ke atas mulai tahun 2020.

166. Untuk menambah baik skim perlindungan kesihatan untuk kumpulan B40, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Kad Peduli Kesihatan Negeri Melaka. Kad ini membolehkan keluarga daripada kumpulan tersebut mendapatkan rawatan asas di klinik-klinik swasta yang berdaftar dengan had sebanyak **50 ringgit (RM50.00)** pada setiap kali rawatan. Had maksimum tahunan bagi penggunaan kad tersebut adalah **300 ringgit (RM300.00)**. Sejumlah **500 ribu ringgit (RM500,000)** akan diperuntukkan pada tahun 2020 untuk fasa pertama pemberian kad peduli kesihatan ini.

STRATEGI KETUJUH: MENAMBAH BAIK SKIM KEBAJIKAN DAN PERANAN WANITA

167. Kerajaan Negeri prihatin terhadap kebajikan rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat serta memastikan tiada rakyat

negeri ini yang berdaftar dalam sistem e-kasih tercicir daripada sebarang bentuk pemberian sumbangan.

168. Sehingga Oktober 2019, sejumlah **75.56 juta ringgit** (RM75.56 juta) telah diberikan kepada 24,551 penerima bantuan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **11.12 juta ringgit (RM11.12 juta)** telah disumbang oleh Kerajaan Negeri dan **64.44 juta ringgit (RM64.44 juta)** daripada Kerajaan Persekutuan. Penerima bantuan terdiri daripada keluarga B40 termasuk ibu dan bapa tunggal serta warga emas, orang kurang upaya dan pesakit kronik yang tidak berkemampuan.

169. Untuk tahun 2020, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan Bantuan Am berjumlah **15 juta ringgit (RM15 juta)** kepada penerima bantuan manakala Kerajaan Persekutuan dijangka menyumbang **70 juta ringgit (RM70 juta)**. Peruntukan bantuan ini termasuk bantuan *one-off* ibu tunggal dan semakan semula kadar bantuan am.

Skim Bantuan Kebajikan Baharu

i) Bantuan Kepada Golongan Warga Emas Dan Orang Kelainan Upaya (OKU)

170. Untuk tahun 2019 juga, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan untuk bantuan khusus kepada warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang terlantar dalam kalangan

kumpulan B40 melalui Program Bantuan Lampin Pakai Buang Dewasa. Keseluruhan bantuan ini melibatkan peruntukan sebanyak **1.4 juta ringgit** (RM1.4 juta) dan dijangka memberi manfaat kepada 2,240 orang penerima.

ii) Bantuan Susu Formula Kepada Pesakit Terlantar, Pesakit OKU dan Warga Emas

171. Mulai tahun 2020, Kerajaan Negeri juga akan memberi bantuan susu formula kepada pesakit terlantar, pesakit Orang Kelainan Upaya dan warga emas yang melibatkan kos sejumlah **1.7 juta ringgit (RM1.7 juta)**. Bantuan ini memberi manfaat kepada 361 orang penerima.

iii) Meneruskan Perkhidmatan Bas Percuma

172. Kerajaan Negeri akan terus komited menyediakan perkhidmatan bas percuma demi keselesaan rakyat. Laluan sedia ada ialah Melaka Sentral-Melaka International Trade Centre (MITC) dan Melaka Sentral-Hospital Besar, dan Melaka Sentral-Pasar Besar. Kerajaan juga akan menambah baik pengurusan bas percuma bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan yang disediakan serta mampu berfungsi secara cekap.

Memperkasa Peranan Wanita

173. Kerajaan Negeri akan meneruskan kesinambungan program pemerkasaan wanita dengan peruntukan sejumlah **500 ribu**

ringgit (RM500,000) dengan penubuhan Jawatankuasa Penggerak Wanita dan Program Prihatin Ibu Tunggal.

i) Jawatankuasa Penggerak Wanita

174. Jawatankuasa Penggerak Wanita diwujudkan di kesemua 28 Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi menjamin kesihatan dan keselamatan sosial wanita melalui program kesedaran hak perundangan dan perlindungan. Jawatankuasa ini memainkan peranan sebagai penghubung antara masyarakat dengan agensi kerajaan yang menyediakan perkhidmatan dalam pendidikan kekeluargaan dan masalah keganasan rumah tangga (*domestic violence*). Jawatankuasa ini terdiri daripada ahli jawatankuasa MPKK daripada kalangan wanita dan pimpinan wanita setempat.

ii) Sumbangan Kepada Persatuan

175. Sebagai menghargai peranan wanita dalam perkhidmatan awam dan pasangan wakil rakyat, Kerajaan Negeri akan menyumbang sejumlah **100 ribu ringgit (RM100,000)**, masing-masing kepada Pertubuhan Amal Isteri Wakil Rakyat Pakatan Harapan (PH) Melaka atau singkatannya HARWANIS dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia Negeri Melaka atau singkatannya PUSPANITA Negeri Melaka.

iii) Pembangunan Usahawan Kecil Wanita di Bazar Melaka, Kota Tun Fatimah

176. Bagi membangunkan usahawan kecil wanita, Kerajaan Negeri telah menyediakan 80 ruang perniagaan untuk kaum wanita di Bazar Melaka, Kota Tun Fatimah. Pemilihan peniaga di Bazar ini adalah merentasi bangsa dan agama dengan tumpuan kepada kumpulan B40 dan ibu tunggal. Sebagai inisiatif awal, pengecualian bayaran sewa selama enam bulan akan diberi kepada usahawan wanita yang berhasrat berniaga di Kota Tun Fatimah.

iv) Pasukan Sukarelawan

177. Mewujudkan pasukan sukarelawan peringkat negeri bersama Kajian *Merdeka Center* dengan jenama Geng #IniRumahKita bagi meningkatkan semangat perpaduan dan kesedaran sivik melalui program komuniti.

v) Insentif Taska Tempat Kerja Swasta

178. Insentif Taska Tempat Kerja Swasta diperuntukkan kepada 10 syarikat swasta sebanyak 10 ribu ringgit (RM10,000) bagi setiap permohonan.

STRATEGI KELAPAN: MENGGIATKAN SEKTOR PENDIDIKAN

Menstruktur Semula Institusi Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri

179. Dalam usaha meningkatkan tahap pendidikan rakyat agar dapat memenuhi keperluan pasaran, Kerajaan Negeri kini berusaha untuk memperkukuh institusi pengajian tinggi milik Kerajaan. Usaha ini perlu bagi memastikan institusi sedia ada mampu menarik lebih ramai pelajar serta diurus dengan lebih cekap dan produktif. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan menstruktur semula Institusi Pengajian Tinggi milik Kerajaan Negeri yang meliputi aspek kewangan dan pentadbiran serta penawaran kursus yang bersesuaian dengan kehendak pasaran.

Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

180. Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) akan mengadakan jalinan kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi luar negara seperti Indonesia, Singapura, Thailand, Turki dan beberapa buah negara Timur Tengah untuk menarik lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian peringkat tinggi dalam Negeri Melaka. Program *joint-degree* antara KUIM dengan beberapa Institut Pengajian Tinggi luar negara yang membabitkan negara-negara yang tersebut akan mula dilaksanakan pada tahun 2020.

181. Selain daripada itu, Program TVET akan diperkasakan di KUIM dengan memperkenalkan dan melaksana beberapa kursus kemahiran dan kursus jangka pendek. Program Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) secara Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang akan dijalankan bersama antara KUIM sebagai institusi latihan dan industri terpilih dalam Negeri Melaka. Di KUIM, program SLDN ini dijangka memberi peluang kepada rakyat Melaka mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia melalui program SLDN di KUIM. Mulai awal tahun 2020, satu kursus iaitu Operasi Perkhidmatan Makanan dan Minuman bagi pelaksanaan kursus TVET di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui kaedah SLDN akan dijalankan oleh KUIM dengan kerjasama beberapa industri perhotelan di Melaka.

182. Selaras dengan kedudukan Negeri Melaka sebagai negeri pelancongan, KUIM juga telah merangka beberapa kursus pendek yang sesuai seperti Kursus Pemandu Pelancong, Kursus Komunikasi Berkesan dan Kursus Bahasa Inggeris Khas, kepada yang terlibat dalam sektor pelancongan di Negeri Melaka. Semua kursus ini akan dilaksana pada awal Januari 2020 di mana sijil-sijil akan dikeluarkan oleh pihak KUIM atau badan profesional yang bekerjasama menjayakan kursus-kursus tersebut.

183. Bagi manfaat kerajaan dan rakyat Melaka, satu Pusat Bahasa dan Terjemahan di bawah Fakulti Bahasa dan Pendidikan KUIM telah ditubuhkan dan bersedia untuk menjalankan aktiviti penterjemahan, menganjurkan kursus-kursus bahasa seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Turki. Dengan ini, setiap pelajar yang bercadang melanjutkan pelajaran ke luar negara, boleh ke KUIM untuk membuat persediaan berkaitan Bahasa.

184. Kerajaan Negeri melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEN) akan memperluas program biasiswa dan pinjaman kepada para pelajar di KUIM. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri juga, akan memberikan bantuan berjumlah **satu ribu ringgit** (RM1,000) bagi setiap anak Melaka yang baharu mendaftar di KUIM. Untuk tujuan ini sejumlah **satu juta ringgit** (RM1 juta) telah disediakan. Program ini diharap akan dapat memberi peluang kepada lebih ramai anak Melaka lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

185. Bagi mengurangkan beban pelajar dan menzahirkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap anak-anak Melaka yang belajar di KUIM, sebelum penghujung tahun 2019, setiap pelajar akan diberikan wang bantuan berjumlah **250 ringgit (RM250.00)**. Inisiatif ini akan memberi faedah kepada 1,100 orang pelajar

dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **275 ribu ringgit (RM275,000)**.

Memperluas Penglibatan Sektor Korporat Dalam Pendidikan Tinggi

186. Penglibatan sektor korporat dalam membantu pendidikan tinggi akan menjadi salah satu agenda utama Kerajaan Negeri pada tahun 2020. Jalinan kerjasama ini akan memberi tumpuan kepada kursus-kursus kemahiran di bawah program pendidikan TVET khusus untuk anak-anak Melaka. Untuk itu, Kerajaan Negeri merancang untuk mewujudkan projek Dermasiswa Khas 2020 daripada dana yang disumbangkan oleh pihak swasta. Sebagai permulaan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah bersetuju untuk membiayai pengajian 40 orang anak Melaka dengan anggaran peruntukan sebanyak satu **juta ringgit (RM1 juta)** untuk kursus *chargeman*. Selain itu, Kerajaan Negeri akan terus berusaha mendapatkan sumbangan daripada badan-badan korporat yang lain.

Meneruskan Program Kecemerlangan Di Sekolah-Sekolah Secara Inklusif

i) Bantuan Pendidikan

187. Kerajaan Negeri akan terus memberi peluang pendidikan terbaik bagi memastikan anak-anak Melaka untuk mendapatkan akses pendidikan berkualiti. Dari tahun 2016 hingga tahun 2019, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah **39.75 juta ringgit (RM39.75 juta)** dalam bentuk bantuan persekolahan, biasiswa, dermasiswa dan pinjaman pendidikan yang telah memberi faedah kepada 38,292 anak Melaka.

188. Untuk tahun 2020, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha bagi membantu anak-anak Melaka mendapatkan pendidikan yang sempurna dengan memperuntukkan:

- a. **Pinjaman Pendidikan Tinggi Biasa** sejumlah **11.2 juta ringgit (RM11.2 juta)**;
- b. **Pemberian Biasiswa dan Bantuan Pendidikan** seperti bantuan pelajar sekolah dan bantuan ke Institusi Pengajian Tinggi, dermasiswa dan Anugerah Pelajar Cemerlang sejumlah **4.6 juta ringgit (RM4.6 juta)**; dan

- c. **Bantuan tuisyen kepada pelajar di sekolah-sekolah berasrama** berjumlah **300 ribu ringgit (RM300,000)**.

ii) **Pembiayaan Program Kokurikulum**

189. Kecemerlangan murid-murid tidak harus dinilai berdasarkan kepada pencapaian akademik semata-mata, malah pembentukan sahsiah dan jati diri melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Untuk tujuan ini, mulai tahun 2020, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **150 ribu ringgit (RM150,000)** bagi membantu penganjuran program-program kokurikulum di sekolah-sekolah di negeri Melaka.

iii) **Inovasi Dalam Sektor Pendidikan**

190. Kerajaan Negeri juga menitik beratkan inovasi dalam sektor pendidikan dengan melaksanakan beberapa projek rintis di sekolah-sekolah terpilih. Dua inovasi utama yang telah diperkenalkan ialah **Sistem Aplikasi Pentaksiran Bilik Darjah Tahap 1** dan **Portal Pembelajaran Maya Melaka**.

191. **Melalui Sistem Aplikasi Pentaksiran Bilik Darjah Tahap 1** yang ditambah baik dengan penggunaan teknologi aplikasi mudah alih bukan sahaja menjimatkan masa tetapi juga mengurangkan beban guru merekod Pentaksiran Bilik Darjah

serta mengurangkan kos pengurusan. Pelaporan menggunakan aplikasi ini boleh diakses oleh ibu bapa atau penjaga, pentadbir sekolah, pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri pada bila-bila masa di mana sahaja. Sekolah Kebangsaan Ganun telah dipilih sebagai sekolah rintis bagi projek ini.

192. **Portal Pembelajaran Maya Melaka** pula dibangunkan untuk meneruskan budaya penggunaan teknologi selaras dengan Pembelajaran Abad Ke-21. Pelantar pembelajaran yang menggunakan perisian sumber terbuka ini membolehkan guru-guru berkongsi bahan-bahan Pengajaran dan Pembelajaran dengan guru-guru lain dan murid-murid dalam ekosistem pendidikan di seluruh negeri Melaka. Sekolah Kebangsaan Chabau dan Sekolah Kebangsaan Masjid Baru telah terpilih sebagai sekolah rintis bagi projek ini sebelum diperluas ke semua sekolah rendah dan menengah pada tahun 2020.

iv) Menaik Taraf Bangunan Institusi Pengajian Tinggi dan Sekolah

193. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah menyiapkan projek pembinaan Sekolah Rendah Agama RIM (SRA), Jasin dengan enam buah bilik darjah yang mampu menempatkan 480 orang pelajar dengan kos sejumlah **2.3 juta ringgit (RM2.3 juta)**.

194. Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peruntukan untuk membina sekolah baharu dan menaik taraf bangunan institusi pengajian sedia ada. Antara sekolah dan bangunan institusi yang masih dalam pembinaan dan bakal dibina adalah seperti berikut:

- i. Menaik taraf bangunan Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd Zin, Alor Gajah yang dianggarkan berjumlah **18.7 juta ringgit (RM18.7 juta)**;
- ii. Menaik taraf dan memulihara struktur fizikal Institut Latihan Perindustrian (ILP) Selandar (Fasa II) yang dianggar bernilai **13.8 juta ringgit (RM13.8 juta)**;
- iii. Pembinaan baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Duyong dengan kapasiti 18 bilik darjah dengan kos **28 juta ringgit (RM28 juta)**;
- iv. Pembinaan Sekolah Berasrama Penuh bagi Sekolah Menengah Sains Alor Gajah 25 bilik darjah sejumlah **65 juta ringgit (RM65 juta)**;
- v. Pembinaan sekolah Baharu di Sekolah Menengah Kebangsaan Krubong merangkumi 24 bilik darjah adalah sejumlah **36 juta ringgit (RM36 juta)**; dan

- vi. Pembinaan bangunan baharu enam bilik darjah dan lain-lain kemudahan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Jasin Lalang, daerah Jasin yang anggaran kos sebanyak **3.5 juta ringgit (RM3.5 juta)**.

Memperkasa Program *Eco-Schools*

195. Pada tahun 2019, sebanyak 17 buah sekolah telah menerima pengiktirafan *Eco-Schools* di mana empat buah sekolah telah menerima anugerah tertinggi *Green Flag*, sembilan buah sekolah menerima pengiktirafan *Silver* dan empat buah sekolah menerima *Bronze*. Kesemua sekolah yang berjaya mendapat anugerah *Green Flag* antara lain telah melaksanakan projek-projek seperti berikut:-

- i. Sekolah Kebangsaan Air Baruk, Jasin dengan program Denggi Patrol;
- ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Durian Tunggal dengan projek pembersihan kolam tadahan banjir yang tercemar dan terbiar kepada sebuah taman rekreasi komuniti;
- iii. Sekolah Kebangsaan Bukit Lintang membangunkan KOD-ECO dan melaksanakan projek tanaman herba; dan

- iv. Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Baru mengumpulkan *ring tap* dan dihantar ke Thailand sebagai bahan membuat kaki palsu.

196. Kesemua projek ini menjadi bahan rujukan dan pembelajaran bagi sekolah-sekolah tempatan dan antarabangsa. Ini merupakan kejayaan golongan muda yang prihatin terhadap alam sekitar. Kerajaan Negeri turut mensasarkan pada masa hadapan, ada wakil daripada anak negeri diberikan peluang berucap dan berkongsi pengalaman negeri Melaka di Persidangan Antarabangsa.

Menambah Baik Pengurusan Pendidikan Islam

i) Pengurusan Sekolah Rendah Agama (SRA) Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)

197. Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dan sentiasa berusaha memastikan pendidikan Islam terus subur di negeri Melaka. Sehubungan itu, pelbagai inisiatif baharu telah dan akan diperkenalkan melalui jalinan kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

198. Sebagai permulaan, inisiatif yang telah dilaksanakan ialah penggunaan premis sedia ada di Sekolah Kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk tujuan pengajian

Sekolah Rendah Agama secara gunasama. Kerajaan Negeri akan menambah baik dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang tidak digunakan secara optimum seperti bilik-bilik kosong dan di naik taraf dengan kos minima iaitu di bawah **20 ribu ringgit (RM20,000)** untuk setiap pengubahsuaian. Bagi maksud tersebut, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah **770 ribu ringgit (RM770,000)**.

199. Pelaksanaan konsep gunasama ini dapat mengatasi **kepadatan dan menjamin keselamatan murid-murid** di mana mereka tidak perlu bergerak ke sekolah lain setelah tamat waktu persekolahan di sebelah pagi tetapi terus kekal di Sekolah Kebangsaan sehingga bermulanya sesi Sekolah Rendah Agama (SRA). Premis Sekolah Kebangsaan juga mempunyai perkhidmatan kawalan keselamatan sekali gus menjamin keselamatan murid-murid sepanjang berada di premis sekolah.

ii) **Peningkatan Kualiti Institusi Pengajian Tahfiz Kerajaan Negeri**

200. Sebagai sebuah Kerajaan yang peka terhadap keperluan melahirkan golongan huffaz demi kelangsungan syiar Islam di negeri Melaka, usaha terus dipergiat untuk meningkatkan kualiti institusi pengajian tahfiz sedia ada. Pada tahun 2020, pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Tahfiz di Pulau Besar akan berpindah ke Kompleks Falak Al-Khawarizmi di Tanjung Bidara. Perpindahan ini akan meningkatkan tahap keselamatan pelajar,

memberi ruang untuk pembesaran, menambahbaik kemudahan asas serta mewujudkan persekitaran pengajaran dan pemudahcaraan yang lebih kondusif kepada guru dan murid.

201. Bagi memastikan kelangsungan pengajian tahfiz di peringkat pengajian tinggi pula, Kerajaan Negeri telah menaik taraf Institut Al-Quran Saidina Ali kepada Kolej Al-Quran Sayyidina Ali. Naik taraf ini telah memberi peluang kepada pelajar-pelajar tahfiz mendapatkan diploma yang dikeluarkan oleh Darul Quran JAKIM dan diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara (MQA). Kerajaan juga membelanjakan sejumlah **3.9 juta ringgit (RM3.9 juta)** untuk pembinaan bangunan baharu empat tingkat dengan dilengkapi kemudahan asas terkini selaras dengan pendidikan abad ke-21 dan mampu menampung sejumlah 120 pelajar berbanding dengan 67 pelajar sedia ada.

STRATEGI KESEMBILAN: MENGOPTIMUM KEMUDAHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Memperluas Kemudahan Rangkaian Telekomunikasi

202. Kerajaan Negeri telah mensasarkan sebanyak 95 peratus liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk melalui penyediaan infrastruktur komunikasi selular dan talian tetap. Untuk itu, Kerajaan Negeri sedang mempergiatkan usaha menambahbaik rangkaian komunikasi dan infrastruktur sedia ada melalui

penyediaan rangkaian gentian optik yang menyeluruh di Negeri Melaka.

i) Inisiatif Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP)

203. Kerajaan Persekutuan telah merangka Inisiatif Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara untuk menambah baik dan meningkatkan infrastruktur digital negara bagi tempoh lima tahun (2019-2023). Inisiatif Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara memberi fokus kepada pelaksanaan kesalinghubungan digital yang berteraskan rangkaian gentian optik untuk membolehkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi disediakan di bandar mahupun luar bandar. Inisiatif ini diharapkan akan dapat membantu merapatkan jurang digital bagi menyokong pembangunan wilayah yang seimbang serta inklusif terutamanya dalam pembangunan teknologi baharu seperti 5G.

204. Projek rintis pertama di bawah Inisiatif Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara iaitu penyediaan jalur lebar berteraskan gentian optik dengan kelajuan mencecah satu gigabit per saat telah dilancarkan di Jasin pada awal tahun 2019. Projek ini melibatkan sejumlah 1,100 buah rumah di Felda Tun Ghafar, Taman Merbau Perdana dan Taman Maju.

205. Sehingga Oktober 2019, Telekom Malaysia telah menyediakan sebanyak 180,620 sambungan internet yang merangkumi 84.6 peratus daripada bilangan isi rumah di Melaka. Antara inisiatif selanjutnya yang akan dijalankan adalah menyediakan kemudahan infrastruktur jalur lebar di kawasan-kawasan baharu dan meluaskan lagi liputan perkhidmatan di seluruh negeri.

ii) Perkhidmatan Wifi Percuma di Bangunan Kerajaan, JAPERUN dan Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

206. Kerajaan Negeri juga turut berusaha menaik taraf kemudahan WiFi percuma di seluruh Negeri Melaka melalui penyediaan kemudahan WiFi *hotspot* di 310 lokasi melibatkan 1,312 unit *Access Point*.

207. Premis yang menempatkan pejabat Kerajaan juga disediakan perkhidmatan WiFi percuma seperti di Kompleks Seri Negeri dan Wisma Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah serta Pejabat Daerah dan Tanah Jasin serta Kompleks MAIM dan Kota Cemerlang.

208. Kerajaan Negeri turut menyedia perkhidmatan WiFi percuma di 11 buah Pejabat JAPERUN dan EXCO Kerajaan Negeri. Ini membolehkan rakyat berurusan dengan Wakil Rakyat di pejabat JAPERUN sambil menikmati WiFi percuma tanpa had. Pada

tahun 2020, perkhidmatan tersebut akan diperluas ke semua Pejabat JAPERUN Ahli Dewan Undangan Negeri.

209. Pihak Berkuasa Tempatan turut tidak ketinggalan dalam menyediakan perkhidmatan WiFi percuma. Pihak Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah menyediakan WiFi percuma di dua lokasi iaitu Dataran MBMB dan Taman Bunga Merdeka. Manakala pihak Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) menyediakan WiFi percuma di tiga lokasi iaitu di Alor Gajah Sentral, Dataran Keris dan Dewan Perbandaran Alor Gajah. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) juga menyediakan perkhidmatan WiFi percuma di kawasan Medan Selera Ayer Keroh dan Tandas Awam Kota Tun Fatimah.

Pelaksanaan Bandar Pintar

210. Kerajaan Negeri komited menjadikan Melaka sebuah Bandar Pintar menjelang tahun 2030. Ia dibangunkan berdasarkan acuan budaya dan, kemahiran, kemampuan serta keperluan rakyat di negeri Melaka. Pembangunan ini juga akan mengoptimumkan infrastruktur sedia ada dan menumpukan kepada pelaksanaan inisiatif berbanding penyediaan dokumentasi yang memerlukan kos dan masa yang panjang. Pelan tindakan yang dibentuk adalah fleksibel dan boleh ditambah baik dari semasa ke semasa.

211. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan produk pintar dalam infrastruktur negeri melalui *Melaka Smart Management System* merangkumi pakej pengurusan trafik dan *WiFi* awam, sistem pengurusan lampu jalan serta stesen pengecas kenderaan elektrik dan sistem sensor kawalan pencemaran udara di pusat bandar. Semua informasi ini boleh diakses melalui aplikasi mudah alih pintar dan diperluas ke seluruh negeri secara berperingkat.

212. Kerjasama strategik bagi membangunkan Pelan Pelaksanaan Koridor Pengangkutan Hijau dan Pelan Mobiliti Bersepadu Kawasan Warisan juga akan dilaksanakan yang dibiayai oleh Kerajaan United Kingdom. Melaka adalah salah satu daripada 19 bandar di dunia yang terpilih sebagai lokasi perintis untuk kajian bandar pintar.

213. Bagi tahun 2020, beberapa produk pintar akan diperkenalkan antaranya: -

- i. *Melaka Smart River Monitoring System*;
- ii. *Groundwater Supply Smart System*;
- iii. *Melaka Smart Market Apps*;
- iv. *Rooftop Solar*;
- v. Pusat Riadah Pintar Melaka; dan
- vi. *Melaka Smart E-Hailing*.

Perpustakaan Digital Negeri Melaka

214. Selaras dengan perubahan teknologi maklumat dan pola pembacaan generasi muda, sebuah Perpustakaan Digital berteraskan elemen pintar akan ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Perpustakaan Digital ini akan dilengkapi dengan kemudahan fiber optik, pangkalan data atas talian, perkhidmatan bacaan dan permainan interaktif, perkhidmatan *e-book* dan ruang diskusi yang lebih kondusif dengan reka bentuk moden. Untuk tujuan ini, peruntukan permulaan berjumlah **dua juta ringgit (RM2 juta)** disediakan dan akan dilaksana secara kerjasama antara sektor awam dan swasta.

215. Bagi meningkatkan penghayatan Islam dalam kalangan belia, Kerajaan Negeri akan memulakan **program ruang digital interaktif tamadun Islam di semua masjid utama di negeri ini**. Ruang ini akan menggunakan konsep wakaf bagi memastikan masyarakat setempat serta komuniti perniagaan berkolaborasi demi memperkasa institusi masjid. Sebagai permulaan, tiga buah masjid akan dijadikan perintis iaitu Masjid Al Alami di Melaka Tengah, Masjid Al-Rasyidin di Alor Gajah dan Masjid Al-Ghaffar di Jasin.

STRATEGI KESEPULUH: MENGAKTIFKAN PERANAN BELIA DAN SUKAN

216. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan penglibatan aktif belia dalam kegiatan sukan dan persatuan. Untuk tujuan ini, peruntukan sejumlah **500 ribu ringgit (RM500,000)** disediakan bagi program pembangunan belia mulai tahun 2020. Perbelanjaan peruntukan ini akan memfokus kepada pelaksanaan program berimpak tinggi yang akan memberi manfaat jangka panjang.

Program Pembangunan Keusahawanan Belia

217. Kerajaan Negeri turut memberi penekanan terhadap pembangunan kemahiran bagi meningkatkan peluang kerjaya belia. Antara fokus utama ialah mewujudkan usahawan dalam kalangan belia berkemahiran. Beberapa program telah dirangka untuk tujuan tersebut. Antaranya:-

i) Rangkaian Usahawan Muda (*Youth Entrepreneurial Network - YEN*)

218. Rangkaian Usahawan Muda atau ***Youth Entrepreneurial Network*** (YEN) merupakan portal informasi untuk belia mendapatkan maklumat berkaitan peluang-peluang keusahawanan dalam bentuk geran bantuan dan pinjaman.

Maklumat berkenaan kursus-kursus keusahawanan yang ditawarkan oleh agensi atau institusi kemahiran turut disediakan dan disebar luas melalui Pejabat Belia dan Sukan Negeri dan daerah.

ii) Program Keusahawanan Belia Bestari

219. Di bawah Program Keusahawanan Belia Bestari, belia yang terpilih akan mengikuti program jati diri dan menjalani *on the job training* selama tiga bulan bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang perniagaan, keusahawanan dan lain-lain bidang kemahiran.

iii) Program Y-Career

220. Program ini mensasarkan belia dalam kategori kumpulan B40 dan dilaksanakan pada hujung minggu. Jenis latihan yang ditawarkan adalah berkonsepkan kemahiran yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran. Belia yang mengikuti program ini akan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta berupaya menceburkan diri dalam bidang kemahiran sama ada sebagai pekerja ataupun pencipta pekerjaan.

Menstruktur Semula Pengurusan Kemudahan Sukan

221. Bagi meningkatkan tahap pengurusan kemudahan sukan, mulai tahun 2020, Kerajaan Negeri akan menyerahkan

pengurusan tempat dan kemudahan sukan yang berkaitan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Ini bagi memastikan tempat tersebut diurus dengan lebih baik dan cekap.

Program Pembangunan Sukan

222. Kerajaan Negeri juga memastikan pembangunan sukan diberi perhatian sewajarnya. Untuk tujuan ini, sejumlah **800 ribu ringgit (RM800,000)** diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan sukan. Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sejumlah **2.0 juta ringgit (RM2 juta)** bagi menyokong persediaan Sukan Malaysia (SUKMA) 2020.

Meneruskan Skim Insentif Sukan Bagi Atlet

223. Kerajaan Negeri akan meneruskan Skim Hadiah Insentif Kemenangan Sukan sebagai menghargai atlet yang mewakili negara dan memenangi pingat dalam sukan masing-masing di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

MEMARTABAT INSTITUSI PEREKONOMIAN ISLAM SELARAS DENGAN KONSEP RAHMATAN LIL ALAMIN

Allah SWT berfirman dalam Al Quran yang maksudnya:

"....Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah SWT kepadaMu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu

melupakan bahagianMu dari kenikmatan duniawi dan berbuat baik kepada orang lain sebagaimana Allah SWT telah berbuat baik kepadaMu dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah SWT tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan..." (Surah al-Qasas, ayat 77)

224. Kerajaan Negeri sentiasa menjunjung tinggi kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi. Selaras dengan ketinggian dan kesucian agama Islam, peranan institusi berkaitan akan terus diperkukuh dan diperkemas. Falsafah di sebalik kutipan **zakat** adalah untuk mengurangkan jurang pendapatan di antara yang miskin dan kaya manakala **wakaf** berperanan sebagai institusi perekonomian Islam yang memberi ruang kepada mereka yang berkemampuan menyumbang kepada pembangunan sosio ekonomi umat sejagat.

Memperkukuh Pengurusan Zakat

i) Menambah baik Program Bagi Asnaf Fakir dan Miskin

225. Sehingga bulan Oktober 2019, jumlah kutipan zakat negeri Melaka adalah **69.23 juta ringgit (RM69.23 juta)**. Pada tahun 2020, Zakat Melaka mensasarkan kutipan sejumlah **104.6 juta ringgit (RM104.6 juta)** iaitu peningkatan 10.11 peratus berbanding kutipan 2019 iaitu **95 juta ringgit (RM95 juta)**.

226. Kutipan zakat ini akan diagihkan terutama kepada golongan asnaf fakir dan miskin seramai 8,109 isi rumah dan memberi manfaat kepada sejumlah 20,000 orang. Bantuan yang disalurkan adalah sara hidup bulanan dan bantuan *one-off* berbentuk barangan dan tunai.

227. Bagi memastikan golongan asnaf fakir dan miskin tidak terus dibelenggu kemiskinan dan mampu berdikari tanpa bantuan kerajaan, Kerajaan Negeri menyediakan beberapa Program Keusahawanan supaya mereka dapat berdikari.

228. Sehingga bulan Oktober 2019, seramai 94 usahawan asnaf telah dilatih dalam bidang perniagaan seperti kulinari, dandanan, perkhidmatan pembersihan dan kemahiran menjahit. Selain daripada itu, jalinan kerjasama bersama 22 rakan strategik terdiri daripada syarikat, agensi dan badan bukan kerajaan turut dilaksana berkonsepkan mentor-mentee.

229. Hub Pengeluaran Produk Usahawan Harapan turut diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Persatuan Komuniti Usahawan Asnaf Negeri Melaka. Hub ini membolehkan pengusaha menjual produk terus kepada pelanggan atau menjadi pengedar dan pemborong.

230. Di samping itu, kutipan zakat juga diperuntukkan bagi asnaf fisabillillah berbentuk sumbangan kepada agensi-agensi bagi

tujuan antara lain untuk aktiviti dakwah, pendidikan, pembangunan sosial dan kerohanian serta pembangunan surau dan masjid.

231. Bagi menggalakkan lebih ramai anak Melaka mengeluarkan zakat dengan lebih mudah, kutipan zakat harta secara dalam talian akan mula diperkenalkan pada tahun 2020. Kaedah ini membolehkan capaian lebih mudah melalui laman web pada bila-bila masa di mana sahaja. Selain itu, skim At-Taisir iaitu potongan gaji secara dalam talian tanpa melalui majikan akan diperluaskan.

ii) Memperkenalkan Enakmen Zakat Negeri Melaka

232. Kerajaan Negeri juga sedar kadar kutipan semasa zakat, adalah jauh lebih rendah berbanding dengan populasi masyarakat beragama Islam yang menetap di negeri Melaka. Sehubungan itu, pada tahun hadapan, usaha akan dimulakan bagi menggubal Enakmen Zakat Negeri Melaka mulai tahun 2020.

233. Enakmen ini akan memperincikan kaedah terbaik kutipan, agihan dan hukuman berdasarkan undang-undang Syariah berkaitan dengan zakat. Enakmen ini juga akan merangkumi individu dan entiti perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam di negeri Melaka.

Memperluas Program Wakaf Dalam Kalangan Masyarakat

234. Kerajaan Negeri ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberi potongan cukai ke atas sumbangan tunai kepada aktiviti kebajikan, sukan serta projek berkepentingan nasional yang pada masa ini dihadkan kepada 7 peratus daripada pendapatan agregat bagi pembayar cukai selain syarikat dinaikkan dan diselaraskan dengan had 10 peratus seperti yang dinikmati oleh syarikat. Potongan cukai juga diperluaskan kepada:

- i. Sumbangan wakaf tunai kepada pihak berkuasa agama negeri atau badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama negeri untuk mentadbir wakaf;
- ii. Sumbangan wakaf tunai kepada universiti awam yang diluluskan untuk menerima wakaf oleh pihak berkuasa agama negeri; dan
- iii. Sumbangan endowmen dalam bentuk tunai kepada universiti awam.

235. Kerajaan Negeri telah mewujudkan badan pemikir yang terdiri daripada golongan profesional dan kakitangan awam bagi meneliti, merancang dan membangun hartanah wakaf di seluruh negeri. Inisiatif ini membolehkan Kerajaan Negeri mewujudkan

bank data yang lengkap berkaitan hartanah wakaf. Menerusi maklumat ini, perancangan rapi dapat dilaksanakan untuk membangunkan secara produktif hartanah wakaf agar dapat menyumbang kepada pembangunan ummah.

236. Pada masa sama, program wakaf menerusi aplikasi mudah alih akan diperluas bagi menarik lebih ramai orang Islam terutamanya generasi muda untuk berwakaf. Menerusi sistem ini, individu yang berminat boleh berwakaf dengan lebih mudah di mana sahaja pada bila-bila masa.

237. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri merancang untuk melancarkan **projek perintis hub nusantara** di Masjid Kampung Hulu yang menggabungkan konsep pembangunan penginapan, pendidikan, perniagaan dan dakwah di bawah satu bumbung dengan menaik taraf hartanah wakaf sedia ada. Pada masa yang sama, perkhidmatan **mobile home nursing care** yang dibiayai secara wakaf akan diperkenalkan mulai tahun 2020.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang
Berhormat;**

Penutup

238. Dalam usaha memakmurkan negeri Melaka tercinta, segala macam strategi telah dan sedang kerajaan susun dan perkemas demi membangunkan rumah besar ini, serta memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara dan kewibawaan Melaka dapat dikembalikan.

239. Justeru, marilah kita bersama-sama membina rumah besar ini, rumah tempat kita berteduh, rumah yang terisi dan diisi dengan hilai tawa anak-anak, yang dibesarkan dalam rumah yang penuh dengan kasih sayang. Semoga anak-anak dengan semua nilai baik ini, kita akan dapat membentuk generasi masa hadapan yang teguh jati dirinya, yang kuat pegangan agamanya dan yang tebal sifat kasih sayangnya, tanpa membezakan warna kulit, bangsa mahupun agama.

*Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa;
Sendi bangsa ialah budi,
Runtuh budi runtuhlah bangsa.*

240. Memetik kata-kata daripada Sasterawan Negara, Datuk Usman Awang bahawa: “Pahlawan yang sebenarnya ialah pahlawan yang berpayung di bawah kebenaran meski di mana; sebab kebenaran itu sendiri adalah pahlawan sejati yang terletak di tempatnya paling atas.” – USMAN AWANG.

241. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan jutaan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas segala sokongan serta bantuan dan peruntukan yang telah diluluskan kepada Negeri Melaka. Tidak lupa Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam penyediaan belanjawan 2020 bagi negeri Melaka ini. Saya berharap agar seluruh rakyat Melaka dan warga perkhidmatan awam dapat bekerja bersama-sama Kerajaan Negeri, melaksana strategi yang telah digariskan dalam ucapan saya sebentar tadi.

242. Kepada Penjawat Awam, yang dinanti-nanti telah pun menjelma. Bagi menyanjung tinggi sifat kesetiaan Tuan-Tuan dan Puan-Puan, dalam mendokong kemajuan serta melaksana sistem penyampaian perkhidmatan dengan cekap lagi berkesan kepada rakyat, maka sukacita saya mengumumkan, Bantuan Khas Kewangan berjumlah **1000 ringgit** kepada semua penjawat awam negeri yang akan dibayar pada bulan Disember 2019.

243. Semoga Allah SWT melimpah kurnia serta mencucuri rahmat-Nya, kepada negara kita Malaysia amnya dan negeri serta rakyat Melaka khasnya.

Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,
Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang
Berhormat;**

244. Saya mohon mencadangkan.

-Tamat-